


nadi insan

SEPTEMBER 1979
KDN 0521/79
80 SEN

WAWANCARA:
DR. MAHATHIR




SETINGGAN DI KOTA

- Kertas Putih Bank Rakyat
- Libya: Islam dan/atau Sosialis?
- Kenangan Tasek Utara
- John Wayne: All American/Ugly American

MEMAHAMI MATA PELAJARAN EKONOMI DENGAN MUDAH

Buku ini sangat berguna kepada para pelajar yang tidak mempunyai sebarang asas mengenai ekonomi dan ingin mempelajari mata pelajaran ini secara sistematis.



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Peti Surat 803, Kuala Lumpur, 08-08 Malaysia.
Telefon 481169 481240 481371 481437 481710

nadi insan

Bilangan 5

September 1979

surat dari pembaca	2	
pena penyunting	4	
wawancara	5	Dr. Mahathir
nasional	10	Setinggan di Kota
		Mengapa Bersetinggan
		Kisah Hidup Setinggan
sejarah	16	Tasek Utara Dalam Kenangan
antarabangsa	18	UNCTAD V
kartun	19	Pendidikan Di Guinea Bissau
pojok	23	Pencak Langkah
antarabangsa	25	Libya
ekonomi	28	Bank Rakyat
seni	30	Sudut Sastra
cerpen	32	Amat Teksi
sajak	38	Aku Adalah Aku
filem	40	Mati Sebelum Hidup
		John Wayne: All American/Ugly American

Orang dalam gambar sebelah adalah bakal perdana Menteri negara kita. Coba menimbangkan diagnosis bekas doktor perubatan ini terhadap beberapa penyakit masyarakat (m.s. 6)



Kertas Putih kerajaan mengenai Bank Rakyat telah mendedahkan penyelewengan dalam pengurusan bank. Sekarang rakyat sudah mula menyeru, 'Tangkap yang lain juga'. (m.s. 28)

Sepuluh tahun setelah rampasan kuasa yang dipimpin Kol. Gaddafi menggulingkan Sultan Libya terakhir, penulis khas Nadi Insan menghuraikan sejauh mana perubahan telah berlaku di Libya dibawah lambang Islam dan sosialisme (m.s. 25)



Foto-foto Sdr. Ahmad Ja serta beberapa artikel berkaitan cuba memberi gambaran yang wajar mengenai masalah setinggan di ibu kota yang sudah bertambah pesat pada tahun tujuh puluhan (m.s. 11)

Para pembaca diingatkan bahwa bahan-bahan yang diterbitkan di dalam keluaran NADI INSAN ini tidak semestinya menggambarkan pendirian penerbit (INSAN) atau Sidang Penyunting majalah ini.

- penerbit : Institut Analisa Sosial (INSAN)
Peti Surat 26, Kajang, Selangor.
redaksi : Dr. Mohd. Nasir Hashim (Ketua), Mohd. Daud,
Dr. Jomo K.S., C. Ng. Rohana Ariffin
pelukis : H.S. Chia, Jaseni
pencetak : Penerbit Universiti Malaya, Lembah Pantai, K.L.



SURAT DARI PEMBACA

Pandangan yang lebih seimbang

Empat sekawan, Jinjang, Kuala Lumpur: Walaupun terdapat berbagai jenis majalah bulanan dalam pasaran, tetapi kebanyakannya lebih menumpukan perhatian kepada pengetahuan ilmiah sahaja. Masalah-masalah sosial yang kita hadapi tidak begitu dititikberatkan. Kami berasa sungguh gembira kerana dengan kelahiran *Nadi Insan* kami berpeluang membaca soal-soal masyarakat dengan pandangan yang lebih seimbang.

Kami berharap *Nadi Insan* tetap menuju ke arah ini dan terus berjaya. Kami juga berharap *Nadi Insan* segera menarik minat para pembaca bukan sahaja dari kaum Melayu tetapi dari kaum-kaum lain juga.

Despair with society

H.S. Wong, Kelang, Selangor, The attached are a couple of poems written during a period of depression and the subsequent awareness that the despair I feel is the result of the way our society is structured. I also feel acute empathy with our women whom I consider really the losers in our society.

The language I use in *My Malaysia* is a bit rough, but I hope it is

justified in representing the despair and utter frustration of many young people I know caught in a way of life that has no way out for them.

The second poem on a young woman is an attempt (only) to show her despair. It is in a sense presumptuous; for how can we, living the lives we live, understand her despair: our world is too widely separated. I have deliberately made it superficial in the hope that it will be a catalyst for thought into how our society is structured and its effects.

I welcome editorial comments. By the way, yours is the only Bahasa Malaysia magazine that I buy. There are so many possibilities for a magazine like yours to develop. I shall follow closely your development.

Sidang Redaksi: Thank you for your letter and two poems. Your second poem is promising. There are, however, legal problems involved because the poem refers to a case still unresolved in the courts. We regret that we will have to reject My Malaysia as Nadi Insan does not agree to promote the idea projected in the poem, i.e., that problems in Malaysian society arise from repressed sexuality alone.

Kawan Sekampus, Lembah Pantai, Kuala Lumpur: Baru-baru ini dalam rangka menyambut 25 tahun Jabatan Pengajian Melayu di Universiti Malaya, telah diadakanlah 'Pesta Puisi dan Akademi' anjuran bersama Ikatan Sastera Universiti Malaya, Program Penulisan Kreatif & Deskriptif dan Jabatan Pengajian Melayu Univeristi Malaya sendiri. Pesta yang berlangsung selama tiga hari (19hb–21hb Julai) di kampus Universiti Malaya itu nampaknya 'indah kabar dari rupa' sebab 'nafsu besar daya kurang'. Dan berdasarkan lapuran akhbar saja orang dapat memahami apa yang berlaku dan dilakukan atas nama 'pesta', nama 'puisi' dan atas nama 'akademik'. Barangkali, atas nama pesta dan puisi bolehlah diterima, tetapi di manakah masuknya jastifikasi 'akademik' dengan segala benda yang tidak akademik itu? Apakah kerana ia dibuat oleh orang-orang universiti (sampai budak yang baru masuk kampus beberapa hari itu sudah jadi akademik semuanya).

Barang siapa yang menyertai perbincangan kertas kerja dan membaca kertas-kertas kerja yang dibentangkan, secara jujur mengakui bagaimana nama 'akademik' itu telah menjadi saduran, macam dawai disadur dengan mas.

Temanya paling menarik: 'Kemanusiaan Dalam Puisi. 'Kemanusiaan'? Untuk mengetahui erti dan nilai kemanusiaan, kita tentulah perlu tau apa yang tidak dan bertentangan atau musuh kemanusiaan. Penindasan itu musuh kemanusiaan. Jadi kalau umpamanya kehidupan rakyat itu telah ditindas bererti itu suatu pelanggaran terhadap kemanusiaan. Kalau penahanan dan pemerintahan terhadap seseorang atau segolongan orang tanpa dibicarakan secara adil di mahkamah terbuka, itu maknanya suatu pelanggaran terhadap kemanusiaan. Kalau segolongan besar rakyat

hidup dalam kemiskinan sedang se-golongan lain hidup terlalu mewah, terlalu berlebihan, itu tandanya tidak ada keadilan dalam susunan dan sistem masyarakat negeri tersebut, maka ketidakadilan sosial ini juga suatu pelanggaran terhadap ke manusia. Piagam Bangsa-bangsa Bersatu tentang Hak Asasi Manusia saja tak berdeot sedikitpun dalam perbincangan Puisi dan Akademi. Tak usahakan isi piagam tersebut, soal Kassim Ahmad sebagai penyair yang ditahan tanpa perbicaraan tak disentuh pun, soal sdr S. Husin Ali sebagai penulis dan seorang akademis juga tak timbul langsung. Sayangnya kebanyakan kita dari kampus ini selalu saja bercakap yang besar-besar dan berdegardar, sehingga tak sedar 'benda' kita tersangkut di celah gelegar...

Majalah 'Dewan Bahasa' Paspot Akademis Sastera?

A.A.H, Bangi, Selangor: Kata Yang Ampunya cerita kononnya ada suatu peraturan yang entahkan resmi atau rasmi yang berlaku di sebuah pusat pengajian tinggi berhampiran dengan sebuah lembah, kononnya barangsiapa para akademis jurusan sastera yang buah tangannya (buah-buah lain tak perlu) tersiar dalam majalah bernama *Dewan Bahasa*, keluarga Dewan Bahasa dan Pustaka, maka buah tangan sarjana itu akan dimasuk kira sebagai markah untuk kenaikan gaji dan pangkat. Konon sebabnya majalah *Dewan Bahasa* itu telah dianggap sebagai jurnal yang diakui sah dan sahih akan kejernalannya dan keilmuannya dan kemutuannya.

Kita tidaklah iri hati terhadap majalah tersebut, jauh sekali dari persangka hasad dan dengki, malah ibarat nama sebuah filem 'setulus hatiku' menghormati dan menghargai majalah *Dewan Bahasa* keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka. Apalagi janganlah disalahfahamkan bahwa *Nadi Insan* yang baru bebe-

rapa bulan terbit ini sudah ada hati nak iri hati, sumpah pekong tangan, tidak sekali-kali. Hanya yang terasa sedikit apakah majalah *Dewan Masyarakat*, majalah 'Dewan Sastera', majalah yang baru terbit *Dewan Budaya* yang juga terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka tidak dapat diterima sebagai suatu penerbitan yang baik dan buah tangan para akademis yang tersiar di dalamnya tidak boleh masuk kira sebagai point untuk naik pangkat dan gaji? Dan yang pokoknya bukanlah didasarkan pada 'majalah' tetapi pada buah tangan itu sendiri.

Tetapi apa yang terdengar ini hanyalah kabar tepi jalan dan cakap di warong kop, tak tau benar atau tidak benarnya. Mudah-mudahan benarnya itu tidak benar.

Ulasan Nadi Insan dalam sebuah akhbar tempatan

Nadi Insan, Bilangan 1, Bulan Mei 1979 KDN 0521/79 saya terima 14 hari selepas kelahiran naskah sulungnya dengan percuma, hadiah seorang kawan. Minat saya hendak mengulas naskah bulanan ini timbul serta merta kerana keistimewaan-nya tentang isi kandungannya.

Tebal muka surat naskah Nadi Insan 40 halaman. Muka kulit depan dan belakangnya terpampang iklan-iklan susu, rokok kingsiz baru dll. Aku tersenyum sendirian; Hem, dasar dan kedudukan kewangan disebutkan. 'Kami tidak bertujuan mendapatkan keuntungan yang lumayan. Tetapi kami terpaksa cuba memperkuuhkan kedudukan kewangan kami supaya penerbitan majalah ini tidak terjejas.'

Aku teringat samada majalah bulanan terbitan badan lain tanpa iklan. Jika ada bolehkah majalah tersebut hidup lama? Misalnya ada ruangan iklan Guinness Stout, saw-mill BATA atau sebagainya tentulah ia dapat lumayan, kedudukan kewangannya tidak terjejas atau pengedarannya lebih pesat lagi!

Sekali pandang majalah *Nadi INSAN* kemudian disebut *INSAN* saja menggalakkan penunjukan perasaan melalui berbagai cara yang dapat dicetak. Oleh itu lantas di galakkan sumbangan gambar, karton dll di samping sumbangan penulisan dan penyuratan. Di samping itu juga diingatkan bahasa yang digunakan mudah difahami; supaya semua golongan pembaca dapat memahami sepenuhnya; sesuai dengan tujuan *INSAN* menyebarluaskan hasil kerja *INSAN* di khalayak orang ramai serta menggalakkan perbincangan umum mengenai issuu-issu kemasyarakatan.

Melihat barisan sidang penyuntingnyapun sudah cukup untuk kita mengagak *INSAN* yang benar-benar Insan yang mencerminkan nadi rakyat kita.

Bukan sahaja perkara-perkara yang berkenaan masalah tempatan, tetapi issuu-issu nasional dan juga hal ehwal antarabangsa. Serentak dengan nadi keintellectual sidang penyunting sentiasa bergelumang dengan pergolakan rakyat membuat kita terpesona.

Seperti yang dikatakan tadi, kandungan yang teristimewa menarik minat kita membaca halaman demi halaman. Ada ruangan kartun berseri bertajuk 'Pendidikan di Guinea-Bissau, Siri ekonomi, sejarah, ulasan buku, ulasan filem dan sebagainya.' Ada juga dimuatkan sumbangan karya (Siaran ulangan mungkin!), sebuah sajak Usman Awang: Kam-bing Hitam. Pendatang baru penulis Cerpen oleh H. A. H. bertajuk PAK UDA sungguh padat isinya.

Bagaimanapun semoga Nadi Insan terus berdetik, bernafas dan aktif dengan membawa tujuan yang ikhlas itu.

Menyambut penerimaan rakyat pelbagai kaum Insan yang bersatu.

Sebagai pengulas sekilas pandang sekadar memperkenalkan majalah *Nadi Insan* sesuai buat bacaan, mengasah fikiran dan sejagat.

Rasalah degup jantung rakyat, bacalah
nadi insan
hanya 80 sen

Keluaran lepas:

OGOS/4

- Wawancara: Jln Shamsuddin
- Harga Minyak Meningkat: Siapa Untung?
- Perjuangan Di Selatan Afrika

JULAI/3

- Wawancara: Usman Awang
- RM3: Siapa Untung, Siapa Rugi
- Tenaga Suria – Pesaka Umum

JUN/2

- Wawancara: Ungku Aziz
- Pergolakan Di IndoChina
- Awasi Bahaya Di Tempat Kerja

MEI/1

- Wawancara: Tunku Abdul Rahman
- 13 Mei 1969 Dalam Kenangan
- Iran Selepas Shah; Bhutto.

Kandungan:

- Wawancara ● Bimbingan ● Peraduan
- Pojok ● Kartun ● Buku ● Filem
- Nasional ● Antarabangsa ● Ekonomi
- Seni ● Cerpen ● Puisi ● Sukan
- Alam Sekitar ● Sains & Teknologi

Penerbit : Institut Analisa Sosial (INSAN)
Ketua Redaksi : Dr. Nasir Hashim
Pencetak : Penerbit Universiti Malaya

TAWARAN ISTIMEWA

- Jimatkan wang dengan langganan terus
\$4 untuk 6 bulan
\$7 untuk setahun
- Juallah NADI INSAN
perolehi pendapatan sampingan

Jika anda berminat sila berhubung dengan pengurus NADI INSAN secepat mungkin

BORANG LANGGANAN

Nama & Alamat:

Sila kembalikan borang serta bayaran kepada:
INSAN, Peti Surat 26, Kajang, Selangor.

**Selamat Hari Raya
Aidil Fitri**

Dengan Ingatan Tulus Ikhlas

Maaf Zahir Dan Batin

Keluarga Nadi Insan

1 Syawal 1399

PADA hari baik dan bulan baik ini kami dari keluarga INSAN (Institut Analisa Sosial) dan majalah *Nadi Insan* mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kepada para pembaca yang dihormati. Semoga cita-cita saudara menemui kejayaan sambil mengikut nasihat pepatah yang berbunyi:

'Toloh ke belakang jika perlu supaya kau tetap menjadi peneroka sakti yang abadi.'

Oleh demikian, kita haruslah mencari tauladan dalam kocakan kejayaan dan kegagalan hidup.

Kami amat merasa bangga kerana dapat berwawancara dengan Y.A.B. Dato' Sri Dr. Mahathir, Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Pada akhir wawancara itu, Dr. M. tersenyum mengatakan wawancara ini sebenarnya bukan wawancara tetapi suatu dialog yang rancak.

Masalah setinggan memanglah satu masalah yang tidak boleh diketepikan lagi. Selain dari penganalisaan Suria Hamid terhadap soal ini, pemberita serta jurufoto baru kami, saudara Ahmad Ja, telah cuba menggambarkan kehidupan setinggan di ibukota. Di samping itu, kami juga mengambil kesempatan untuk merenung kembali peristiwa Tasek Utara, setelah lima tahun berlalu.

**DENGAN INGATAN
TULUS IKHLAS**


dari

**STERLING
WINTHROP**

Pembuat PANADOL

**Peti Surat 9
Jalan Gurney
Kuala Lumpur**

Dr. Mahathir



1956: Semasa bertugas sebagai pegawai perubatan di Langkawi.
‘Janggut untuk bergaya sahaja—bukan satu tanda protes kerana dihantar ke Langkawi.’

NI: Sejak bila Dr. mula terlibat dalam UMNO?

Dr. M: Saya telah terlibat secara langsung dengan UMNO sebelum saya masuk universiti lagi. Sewaktu UMNO ditubuhkan, saya telahpun mengambil bahagian dalam mesyuarat kongres pertama pertubuhan-pertubuhan Melayu di mana saya hadir sebagai pemerhati. Persatuan Melayu Kedah yang telah ditubuhkan terdahulu itu dijadikan salah satu anggota gabungan kongres ini dan kami menyokong penubuhan UMNO. Walaupun UMNO telah ditubuhkan, Persatuan Melayu Kedah tetap bergerak bersendirian kerana UMNO membenarkan badan-badan gabungannya bergerak demikian.

NI: Dr. dan beberapa rakan lain mula dikenali sebagai Young Turks dalam UMNO di penghujung tahun 1960-an. Apakah yang sebenarnya telah berlaku?

Saya tak fikir bahawa mereka (pimpinan UMNO) merasa terancam, tetapi saya rasa kritikan ini telah merumitkan urusan mereka.

Dr. M: Saya tak faham kenapa saya digelar sebagai **Young Turk** waktu itu. Kita cuma berpendapat bahawa ada beberapa masalah yang belum diberikan perhatian oleh pemimpin-pemimpin UMNO pada masa itu. Sebab itu kita menekankan bahawa masalah ini harus diberikan perhatian secukupnya. Kita, sedikit sebanyak, mengkritik kepimpinan (UMNO) pada ketika itu, khususnya berkaitan dengan kedudukan orang-orang Melayu dalam bidang ekonomi. Pendapat kita berbeda sedikit dari pendapat pemimpin pada ketika itu. Mereka berpendapat orang Melayu hanya berminat menjadi pegawai kerajaan sahaja. Sebaliknya, kita berpendapat bahawa orang Melayu berminat dalam semua bidang, termasuk bidang ekonomi. Oleh kerana bidang ekonomilah yang boleh memberikan kekayaan pada orang Melayu, maka oleh itu mereka harus diberikan tempat. Dalam bidang pelajaran juga pada ketika itu, tidak berpatutan untuk orang-orang Melayu. Kita menyuarakan pendapat kita ini dan walaupun pemimpin sendiri tidak menganggap kita **Young Turk**, tetapi ada pemerhati dari luar, terutama akhbar-akhbar yang dikuasai oleh orang-orang asing. Mereka merasa tidak gembira apabila perhatian ditumpukan kepada masalah ini. Mereka cuba mengadakan label kerana ini adalah suatu tektik politik. Jika kita berikan seseorang itu suatu label, apa juga yang dibuatnya dikaitkan dengan label itu. Oleh kerana kita digelar **Young Turks**, walaupun permintaan kita itu munasabah, ia tetap dianggap keterlaluan. Inilah strateji politik. Saya diberi label *extremist, ultra*, dan macam-macam lagi—untuk memburukkan apa saja yang saya kata. Saya bukanlah **Young Turk**. Saya tidaklah memberontak menentang sesiapapun.

NI: Tidakkah pucuk pimpinan UMNO ketika itu merasa terancam oleh kritik-kritik yang Dr. timbulkan itu?

Dr. M: Saya tak fikir bahawa mereka merasa terancam, tetapi saya rasa, kritikan ini telah merumitkan urusan mereka. Memang tidak ramai orang yang suka tahu tentang masalah, sedangkan kita perlu menghadapi masalah itu. Saya selalu suka menyebutkan tentang masalah. Saya bukan bertujuan untuk mengancam.

NI: Ada pula pihak yang menyatakan bahawa seolah-olah *palace coup* (rampasan kuasa dalam pucuk pimpinan pemerintah sendiri) telah berlaku?

Dr. M: Itu interpretasi mereka. Saya tak nampak *palace coup* berlaku. Jika *palace coup* berlaku bermakna pemimpin yang ada diganti oleh orang lain. Ini tidak berlaku. Kepimpinan parti tidak terganggu pun.

NI: Berikutnya dari peristiwa 13 Mei, Dr. telah menerima sokongan kuat dari golongan penuntut Melayu tertentu. Bolehkah Dr. ulas sedikit mengenai pergerakan pelajar ketika itu dan apakah bedanya dengan pergerakan pelajar pada penghujung tahun 1974?

Dr. M: Keadaan universiti pada ketika itu berbeza dari keadaan sekarang. Pada waktu itu, bilangan penuntut Melayu di universiti begitu kurang. Mereka merasa terhimpit dan tertindas. Mereka menganggap bahawa kerajaan yang dipimpin oleh UMNO adalah pelindung mereka. Oleh itu, tidak wujud pertentangan pendapat penuntut-penuntut (Melayu) dengan kerajaan pada ketika itu. Bedanya dengan sekarang ialah kerana penuntut Melayu di Universiti begitu ramai, mereka tidak lagi merasa terancam atau tertekan oleh sesiapapun. Pada umumnya mereka merasa bebas. Lebih-lebih lagi, pegawai-pegawai dan pensyarah-pensyarah di universiti telah ramai terdiri dari orang-orang Melayu. Perasaan inginkan pada perlindungan sudah tidak ada. Inilah bedanya. Sebab itu mereka tidak begitu bersimpati dengan orang-orang dalam pemerintahan. Sebahagian dari mereka tidak ada simpati, mereka menganggap perlindungan itu tidak perlu lagi kerana keadaan sudah pulih dan baik, dan tak payahlah kita minta tolong dari orang lain. Bahkan datang pula golongan-golongan yang mencari salah untuk mendapat sesuatu pada diri mereka. Ini pendapat saya lah, setuju atau tidak. Tetapi orang-orang ini mencari salah dengan kerajaan dengan harapan daripada itu akan dapat sokongan pada diri mereka, dan mereka membawa pendapat berdasarkan kepada sosialisme kerana dianggap kerajaan kita ini tidak sosialis, bahkan ianya komprador kapitalis. Jadi orang ini membawa perkara ini bukannya kerana keadaan yang sebenar tetapi memanglah dalam politik satu strateji untuk mendapat sokongan kepada kita ialah dengan menimbulkan kebencian kepada orang lain. Jadi walaupun benda itu tidak ada, ia direka, dikatakannya ada dan diulang berkali-kali. Jadi adalah satu perselisihan di antara penuntut Melayu. Pada penuntut yang bukan Melayu, saya ingat tidak ada masalah. Selagi kita dapat sokongan daripada penuntut tidak ada masalah. Jadi orang yang menganggap kuasa UMNO ini sebagai terlalu kuat ingin mencari jalan untuk

mengurang kuasa ini kalau ianya dapat mengurangkan sokongan orang Melayu kepada UMNO. Jadi dia gunakan *socialist ideas, ideologies and discipline in order to condemn UMNO leadership.*

NI: Adakah kritikan mereka itu mempunyai asas?

Dr. M. Saya tidak nampak ada asas. Umpamanya tuntutan bahawa ada kebuluran di Baling. Tak benar samasekali, kerana kita orang Melayu. Orang Melayu tidak boleh bulur dalam negeri ini. Dalam negeri ini kalau kita duduk dalam kampung, kalau you tak boleh makan, boleh datang ke rumah, akan diberi beras, nasi dan apa-apa yang ada semua kita share. Itu memang adat orang Melayu. Kita nak kata dalam satu kampung itu ada seorang anaknya mati kebuluran, tidak munasabah. Saya jelas kata dalam forum malam itu, Anwar Ibrahim pun ada, di sini tidak boleh jadi ada orang mati kebuluran, kerana dicucuk saja apa dalam tanah akan tumbuh. Ini nikmat yang Tuhan beri pada kita. Kalau kata kita bulur dalam negeri ini bererti kita tidak bersyukur. Itu yang saya mahukan, kerana itu tidak betul. Kalau betul saya boleh terima, tetapi, *you cannot die of starvation in this country.* Sekurang-kurangnya you boleh minta orang welfare tololng orang yang nak mati. *We investigated the actual case, fotostatpun tak kena, ada tertutup information, orang itu mati sebab lain, dia bulur sebab lain, macam-macam buat tipu.*

NI: Tetapi kesusahan petani di Baling pada ketika itu akibat dari harga getah yang rendah serta inflasi yang pesat tidak boleh dinafikan.

Dr. M: Saya mengaku rendah but to say they died of starvation is something of an exaggeration not worthy of university students. Saya biasa kritik pemimpin UMNO dulu, saya biasa kritik British dulu tetapi atas asas-asas yang benar, tunjuk yang mana I tak benar. Saya kata British menindas, nak ambil negeri kita untuk dia. Benar. *They want to take everything for themselves.* Saya kata kita tidak beri tumpuan pada ekonomi orang Melayu. You tengok kerajaan dulu, mana ada DEB; rancangan untuk peniaga-peniaga kecil Melayu tak ada. Ada MARA lah tapi, sebanyak mana? Benda itu benar dan kalau benar saya akan teguh. Dan kalau teguh tak peduli siapa. Orang ataskah, bawahkah. Kalau saya tak betul esok buang. Kita tak kekal dalam ini. *We are not permanent features in this. If we die, this world will still go on. There is no reason to think that you are indispensable. I am not indispensable. . . .* Kalau orang tak bersetuju dengan saya, nak buang saya, ok. *I'll go back. I'll become a doctor. No problem.*

NI: Nak buang Dr. itu bukan senang. Tukar tajuk pula. Dr. pernah dipanggil sosialis kerana Dr. pernah meramalkan bahawa Malaysia boleh menjadi sosialis pada tahun 2000.

Dr. M: Bukan saya sosialis. Saya disuruh menulis sebuah artikel berkenaan dengan masa depan negeri kita. Pada masa itu ada tanda-tanda bahawa banyak orang mirip ke-

pada sosialisme. Saya kata ada kemungkinan bahawa dalam tahun 2000 . . . negara kita jadi sosialis. *I'm not always right.*

NI: Pernahkah Dr. sendiri dituduh sebagai sosialis, misalnya pada zaman penjajah?

Dr. M: Saya kena question oleh polis pada masa student dulu . . . Tapi tak dituduh sosialis. *Lots of people think they are socialists . . . The only thing the British were worried about was nationalism* kerana nationalism bermakna menamatkan penjajahan. Samada nasionalis berkorak sosialis atau apa-apapun tak jadi masalah. Dia tak hendak nasionalisma.

NI: Buku Dr. yang bertajuk *The Malay Dilemma* telah menimbulkan kontroversi, terutamanya berkaitan dengan pendapat Dr. bahawa kemunduran orang-orang Melayu disebabkan oleh beberapa faktor termasuk faktor genetik (keturunan). Adakah Dr. masih berpegang pada pendapat itu sekarang ini?

Dr. M: Bukan kemunduran semua orang Melayu, tetapi soal genetik tetap memberi kesan kepada generasi yang akan datang. Genetik faktor lebih berkesan di kalangan orang Melayu ialah kerana adat orang Melayu—yaitu mereka suka berkawin antara sepupu. Oleh itu banyak kelemahan dijadikan *hereditary*. Di kampung-kampung tiap-tiap orang digalakkan berkawin, ibubapa sering menguruskannya, jadi kelemahan-kelemahan itu berlarutan. Di masyarakat Barat, orang-orang cacat seperti tak siuman, bodoh dielakkan berkawin. Jadi kesannya mati di situ. Jadi kesan genetik itu tidaklah buruk sangat kalau adat tidak menggalakkan. *In the western system, the tendency is for the bad qualities to die off. . . . In*

fact they even try to sterilize, like Hitler punya Germany, idiot dia sterilize . . . what he did may be bad morally. . . . but the scientific mind works that way. So when I make an analysis I just say what I observe to be the truth. It doesn't apply to us only. It happens to a lot of people. Only there is more among the Malays because of these factors.

Jadi apa yang saya katakan dalam buku itu, bukan genetik memainkan peranan semata-mata, ada juga faktor lain. Tapi genetik dicampur dengan adat telah memberi kesan yang buruk. Sekarang adat itu tidaklah sangat macam dulu. Anak-anak muda kita sekarang membuat pilihan sendiri, tak mungkin pula seseorang yang cerdik memilih teman yang bodoh atau cacat.

NI: Berkaitan dengan soal genetik ini, beberapa persoalan pernah timbul. Misalnya inbreeding ataupun perkawinan antara saudara berlaku di kalangan orang India dan orang China juga. Lagipun amalan ini di kalangan orang Melayu bukan hanya diperingkat kampung sahaja. Antara orang atasan berlaku juga—Tengku dengan Tengku atau Syed dengan Sharifah. Dan peranan faktor genetik pula dalam pembentukan wajah atau peribadi seorang itu masih banyak dipersoalkan dalam kalangan ahli-ahli sains. Tambahan pula jika kita terima bahawa kemunduran orang Melayu disebabkan oleh faktor genetik, kita terpaksa mengaku bahawa usaha-usaha untuk memajukan masyarakat Melayu ke taraf yang sama dengan kaum lain akan terus menghadapi kegagalan. Saya rasa kita tak boleh terima pendapat seperti itu.

Dr. M: Wrong. That's wrong because I didn't say it's



'Tahniah, Tan Sri Matsushita!'

purely that. It's related to the practice of inbreeding and that practice can be terminated . . . I'm not going to say that orang Melayu sampai bila-bilapun tak boleh berubah. That's nonsense. Otherwise, I won't be trying to uplift them or do something for them.

NI: *Kandungan buku ini juga telah mempengaruhi pengubahan Dasar Ekonomi Baru. Walaubagaimanapun, buku yang penting ini yang telah diulang cetak beberapa kali di Singapura, masih diharamkan. Boleh Dr. ulas sedikit?*

Dr.M: Saya tak penting sangat buku saya itu haram atau halal. Yang saya pentingkan ialah pendapat saya itu halal dipakai untuk memperbaiki kemunduran orang Melayu. Walaupun saya sekarang ini Timbalan Perdana Menteri, saya tak mau campur tangan dalam halalkan buku itu, sebab saya ada vested interests.

NI: *Apakah yang mendorong Dr. menulis buku Menghadapi Cabaran?*

Dr. M: Kita tengok masalah pelajaran, satu perkara yang besar. Dulu orang Melayu kita kekurangan pelajaran. Tetapi sekarang bila kita sudah ada pelajaran, datang pula orang yang mengatakan pelajaran itu sekular dan bertentangan dengan ajaran Islam. Adalah ini betul? Dalam buku itu saya menjelaskan bahawa ilmu yang kita pelajari dari Barat itu datangnya dari orang Arab berdasarkan betul-betul pada masa kegemilangan Islam. Tapi malangnya ilmu itu datang pada kita melalui orang-orang Barat. Pada zaman Renaissance, orang-orang Barat meniru

ilmu-ilmu dari orang Islam dan memberi nama yang kita tidak kenal lagi, seperti algebra, dan macam-macam lagi. Diberikannya kepada kita sebagai ilmu-ilmu Barat. Maka kita orang Islam khatir bahawa ini semua pelajaran sekular. Tapi ini adalah *way of life*, sebab kita semua mesti terlibat dengan alam sekeliling. Itulah yang saya hendak bincangkan dalam buku itu.

Satu perkara lagi ialah komunis. (banyak orang telah meramalkan bahawa orang Melayu kita akan kekal dengan ajaran Islam selama-lamanya. Mereka ini boleh silap.) Pada perhatian saya, ada lagi orang yang 'lebih Islam' yang sekarang jadi komunis. 'Lebih' dalam erti 'lagi lama' mithalnya, orang Arab lebih lama daripada kita, tapi tengoklah beberapa negara Arab baru-baru ini, kerajaan Marxist bukan Islam tapi sosialis.

NI: *Sejak Dr. mengambil-alih Kementerian Perdagangan beberapa pihak memuji usaha Dr. menggalakkan kemasukan pelabur-pelabur asing. Ada juga pihak yang pernah mempersoalkan samada strategi pembangunan yang bergantung pada modal/syarikat asing boleh membawa kepada pembangunan ekonomi yang berdikari (dan ini juga menjadi cita-cita Allah Yarham Tun Abdul Razak). Apa komen Dr.?*


Dr. M: Yang pertamanya bukanlah kita menggalakkan pemodal orang asing. Kita sudah banyak modal, tetapi kita tidak ada pengetahuan-teknologi. Kita boleh bagi duit untuk mendirikan steel mill, lain apa kita tahu? Dalam soal pelaburan asing ini, kita ada tiga kepentingan. Pertama, kita mesti industrialise, kita tidak boleh bergantung kepada getah dan bijih timah saja. Kita mesti ada perusahaan baru.

Keduanya kita mesti sediakan pekerjaan untuk orang muda. Tiap-tiap tahun beribu-ribu orang baru mencari kerja. Takkanlah nak suruh mereka pergi tanam padi, toreh getah. Mereka tak mau lagi. Perusahaan barulah yang boleh menyediakan banyak kerja. Misalnya, Motorola ada 4,000 pekerja, elektronic industry saja sudah ada 29,000 orang.


Ketiga, kita perlu teknologi. Pemodal asing terpaksa masuk teknolojinya kalau ia hendak mendirikan kilang-kilang. Memang benar, biasanya mereka tidak mahu tunjuk banyak-banyak—orang Jepun sangat 'secretive'. Tapi tengoklah, kita dapat belajar juga. Beberapa ribu anak-anak Melayu sekarang yang boleh buat itu dan ini. Kalau pelabur asing masuk 'join venture', dia mesti ajar banyak-banyak, sebab kalau gagal akan rugi sama-sama, berjuta-juta ringgit. Walaupun negara maju bab kalau gagal akan rugi sama-sama, berjuta-juta ringgit. Walaupun negara maju adakan sekatan, kita ada harapan akan dapat tembuskan.

NI: *Tapi mana dia bagi kita tahu yang penting supaya kita dapat berdikari kemudian. . . Beralih pula kepada peristiwa MAS baru-baru ini, Dr. pernah memperkatakan tentang 'imperialisme bentuk baru' untuk menggambarkan*

MALAYSIAN INVESTS JAP



Berucap di Seminar Pelaburan di Tokyo.



Melawat Drilling Rig Esso di Lautan Cina Selatan.

kan kegiatan ITF. Bolehkah Dr. terangkan sedikit perbezaan imperialisme bentuk baru ini dengan imperialisme lainnya?

Dr. M: Imperialisme lama senang saja. Ia datang sini mengambil alih semua pentadbiran dan mempunyai semua kuasa, kita jadi hamba kepada penjajah. Imperialisme baru pula mahu mengkongkong perkembangan majuan orang-orang lain secara sembunyi dan tidak langsung, supaya kita tidak kaya dan terus bergantung kepadanya. Jadi kalau nilai-nilai kita bergantung kepada mereka, kitapun tidak bebas lagi. Kita telah dijajah dalam fikiran bagi secara tidak langsung. sendiri dan mereka di Barat tidak suka kita bertanding dalam bidang teknologi. Tetapi oleh kerana kebanyakan peniaga-peniaga adalah tamak pada kekayaan, maka banyak pelabur asing datang ke negeri kita sebab kos pengeluaran itu rendah, hasil daripada gaji rendah. Jadi pekerja-pekerja sana tidak suka modal-modal lari ke sini oleh dua sebab. Pertama, mereka kehilangan pekerjaan, dan kedua buatan sini yang murah apabila dijual di sana akan menjaskan kedudukan pekerja-pekerja sana.

Jadi tipu helah mereka sekarang ialah untuk menguasai kita punya cost of production. Mereka sengaja membela gaji pekerja-pekerja kita supaya kos pengeluaran kita sama dengan mereka. Maka kita tidak dapat bertanding dengan mereka lagi.

Dalam bidang penerbangan pun begitu juga. Bukan orang Melayu kita yang banyak pakai MAS, tetapi orang-orang putih. Sebab tambang kita murah, layanan kita baik dan banyak lagi kemudahan. Jadi mereka mahu kos kita naik dan lalu tambang naik. Kalau boleh tidak bagi kita terbang langsung—sabotage.

NI: Tapi orang akan menyatakan: pelabur-pelabur asing kerajaan nak pujuk, kesatuan pekerja antarabangsa pula

dilarang. Macam double standard ini.

Dr. M: Pelabur-pelabur asing, seperti pekerja-pekerja Barat, bukan sayang pada kita, bukan nak tolong kita. Mereka datang semata-mata untuk mendapatkan keuntungan. Tapi kalau dalam masa itu kita sama dapat untung, kita terima.

NI: *Sejarah perjuangan politik Dr. boleh dikatakan penuh dengan 'pancaroba'. Walau bagaimanapun Dr. telah berjaya mengatasi masalah-masalah yang timbul itu. Bolehkah Dr. terangkan sedikit mengenai hal ini?*

(Nota: Disingkirkan dari UMNO, kalah pilihanraya tahun 1969: dicap ultra oleh beberapa golongan bukan Melayu; menjadi sasaran kritik oleh beberapa golongan dakwah, dsb.)

Dr. M: Analisa saya ialah, kalau saya hendak berjaya dalam politik, saya tidak boleh putus daripada punca kuasai itu, iaitu UMNO. Sebab itu bila saya dibuang dari UMNO dulu, saya tidak membuat sesuatu yang akan menghalang saya terus dari UMNO. Saya bercakap di pentas PAS, bukan sebagai ahli PAS, tetapi hanya mengambil peluang untuk memberikan pendapat saya.

Jadi kejayaan saya setakat ini sebahagiannya adalah kerana nasib, dan sebahagian lagi kerana analisa tentang *the forces* dan bagaimana kita dapat mengatasi *forces* itu. Kita mesti tahu sikap orang Melayu, adat resamnya dan lain-lain. Semuanya harus kita tahu kalau hendak mencapai kejayaan. Kalau kita tidak mempedulikan nilai-nilai orang Melayu kita tidak mungkin berjaya.

Saya kalah dalam tahun 1969 bukan kerana tidak jaga Melayu tetapi kerana tak jaga Cina. Orang Melayu pendirian sudah tetap, kalau UMNO tetap UMNO, kalau PAS tetap PAS. Di antara tahun 1964 dan 1969 saya hanya bercakap dengan orang Melayu, maka orang Cinapun marah. Mereka cabut undi dan bagi pada PAS, bukan kerana sayangkan PAS, tapi kerana marahkan saya. Jadi saya kalah.

Dari itu, sayapun sedar bahwa orang Cinapun ada kuasanya dalam politik. Kita tidak boleh tekankan mereka sangat, walaupun kita hendak menolong orang Melayu. Merekapun kena dijaga juga. Maka sayapun insaflah. Saya tidak berubah, hanya strategi berlainan sikit setelah saya fahamnya.

NI: *Barangkali jika disebutkan bahwa wujud rebutan kuasa dalam UMNO, boleh dijawabkan bahwa itu hanya lah suatu kabar angin. Dalam suasana di mana akhbar tidak dapat memberikan laporan yang berterus-terang, orang ramai akan menganggap kabar-kabar angin sebagai sesuatu yang benar. Adakah kabar angin mengenai rebutan kuasa dalam UMNO ini boleh dipercayai?*

Dr. M: Dalam keseluruhan UMNO, memang ada macam-macam rebutan kuasa di sana sini, setengahnya dengan tiada pertandingan langsung. Tapi jarang ada ahli yang sanggup melihat UMNO pecah kerana tidak puas hati. Saya sendiri berkali-kali berundur diri demi kepentingan perpaduan UMNO.

MENGAPA BERSETINGGAN?

Ali Abu Bakar



Inilah 30% dari penduduk Kuala Lumpur


Pada 15hb. Julai yang lalu *Berita Minggu* telah menyiarkan beberapa keping gambar yang menunjukkan keadaan malang 30 keluarga setinggan di Petaling Jaya apabila rumah-rumah mereka dirobohkan dengan *bulldozer* oleh pihak berkuasa. Salah satu daripada gambar itu menunjukkan seorang ibu sedang menangis terisak-isak kerana tidak dapat menahan keseidihan hatinya apabila mengenangkan keadaan malang yang menimpa dirinya dan juga 10 orang anaknya yang ramai daripada mereka masih kecil lagi.

Melihat gambar-gambar yang menyayat hati itu ramai daripada kita turut merasa sedih. Di samping itu, kita juga tertanya-tanya di kalangan kita satu persoalan, iaitu kenapa-

kah keluarga-keluarga malang itu harus menghadapi keadaan yang semikian rupa? Dalam hal ini, berbagai-bagai jawapan telah diberi.

Setengah orang cuba menerangkan keadaan ini dengan mengatakan bahawa keluarga-keluarga itu telah menduduki tanah kerajaan atau tanah-tanah orang secara haram dan itu sebabnya mereka diusir. Tetapi, jawapan serupa ini tidak menjawab soalan tadi sepenuhnya kerana kita akan bertanya pula: Kenapa mereka menduduki tanah kerajaan atau orang persendirian tanpa kebenaran?

Untuk menjawab soalan ini pula kita tidak dapat tidak akan berhadapan dengan hakikat bahawa negeri kita mengalami masalah kekurangan perumahan, khususnya di



kawasan bandar dan di kalangan rakyat yang berpendapatan rendah. Malahan, dari sehari ke sehari masalah ini kian bertambah meruncing.

Kekurangan Rumah

Mengikut satu sumber, sebanyak 725,000 unit rumah murah harus dibina dalam tempoh masa Rancangan Malaysia Ketika (RM3) untuk mengatasi masalah kekurangan perumahan di kalangan rakyat berpendapatan rendah di negeri ini. Kekurangan perumahan telah menjadi begitu besar kerana jumlah bilangan rumah yang disediakan di bawah Rancangan Malaysia Pertama (RM 1) dan Rancangan Malaysia Kedua (RM 2) telah tidak dapat mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Mengikut satu anggaran, kekurangan itu berjumlah 115,000 unit di bawah RM 1 dan 165,000 unit di bawah RM 2.

Berhadapan dengan masalah ini, apakah matlamat kerajaan di bawah RM 3? Menurut maklumat yang terdapat dalam RM 3, hanya sebanyak 220,800 unit rumah murah sahaja yang akan dibina dalam tempoh masa tersebut. Dalam kajian Separuh Penggal RM 3, pihak kerajaan telah menambahkan jumlah bilangan rumah murah yang akan dibina di bawah RM 3 kepada 241,300 unit. Oleh yang demikian, walaupun apabila matlamat yang telah ditetapkan itu tercapai, namun ianya cuma mampu mengatasi hanya lebih kurang $\frac{1}{3}$ daripada kekurangan perumahan di negeri ini. Ini bermakna masalah keku-

rangan perumahan di negeri ini akan berterusan.

Pembinaan rumah-rumah oleh sektor swasta juga tidak dapat menolong pihak kerajaan mengatasi masalah kekurangan rumah di kalangan rakyat berpendapatan rendah. Ini adalah kerana bilangan rumah murah yang dibina oleh pengusaha swasta adalah terlalu kecil. Mengikut satu kajian, daripada 14,758 buah rumah yang telah diluluskan untuk dibina oleh pengusaha swasta dalam tahun 1972, hanya 1.7% sahaja yang berharga kurang daripada \$10,000. Kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa pemaju perumahan swasta lebih berminat membina rumah harga mahal kerana ianya mendatangkan keuntungan yang berlipatganda bersarnya.

Harga Rumah Melambung

Di samping itu, dalam keadaan inflasi sekarang ini, harga tanah dan rumah, terutama tanah dan rumah di kawasan bandar, telah melambung naik dengan hebat sekali. Menurut sebuah laporan dalam *Malaysian Business* (Julai 1979), harga sebuah rumah teres satu tingkat di kawasan Bangsar, Kuala Lumpur telah meningkat dari \$18,000 dalam tahun-tahun awal 70'an kepada \$30,000 pada tahun 1975 dan \$52,000 pada tahun 1979!

Dalam keadaan ini bukan sahaja rakyat berpendapatan rendah tidak mampu membeli rumah-rumah ini, malahan sebahagian besar daripada penduduk berpendapatan sederhana mendapati semakin sukar untuk memiliki rumah sendiri. Namun demikian, pemaju perumahan tidak menghadapi masalah menjual rumah-rumah yang telah didirikan kerana orang-orang yang berada tetap membeli rumah-rumah itu dengan tujuan untuk berspekulasi (iaitu dijual balik dengan harga yang lebih tinggi) ataupun untuk disewakan.

Kenaikan harga rumah dan harga tanah yang begitu hebat telah ju-



Rumah dirobohkan: 'berat mata memandang, berat lagi mata memikul.'

ga menyebabkan sewa rumah di negeri ini, terutama sewa rumah di bandar-bandar, turut melambung naik. Sekarang ini sewa sebuah bilik sederhana di kawasan perumahan di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya adalah di antara \$80 dan \$150. Ini bermakna jika seorang pekerja yang berpendapatan \$300 sebulan menduduki bilik sewa ini bersama keluarganya, sekurang-kurangnya $\frac{1}{4}$ daripada gajinya akan digunakan untuk membayar sewa bilik!

Berhadapan dengan keadaan begini, maka tidaklah menghairankan jika sebilangan besar penduduk bandar negeri ini telah menjadi setinggan dengan tujuan untuk mengurangkan belanja hidup keluarga mereka supaya selaras dengan pendapatan mereka yang rendah. Selain daripada dapat mengurangkan

belanja sewa rumah, setinggan-setinggan juga dapat mengurangkan kos hidup yang tinggi di bandar dengan menjalankan kegiatan-kegiatan bercucuk tanam dan menternak ayam-itik secara kecil-kecilan. Justru itu, kewujudan kawasan setinggan dapat mengurangkan perbelanjaan hidup penghuni-penghuninya. Maka, pembayaran gaji dapat dihadkan oleh majikan di kilang serta pejabat oleh kerana ramai pekerja di bandar tinggal di kawasan-kawasan setinggan ini.

Memandangkan hakikat ini, satu persoalan akan timbul: Adakah wajar pihak-pihak berkenaan mengambil tindakan merobohkan rumah-rumah kediaman mereka dan menafikan mereka tempat untuk berteduh dari hujan dan panas? Sama-sama kita memikirkan akan masalah ini.

★ ★ ★
PERADUAN! PERADUAN!

REKABENTUK LOGO UNTUK KULIT DEPAN (DESIGN A NEW MASTHEAD FOR THE FRONT COVER)

Hadiah-hadiyah yang bernilai akan diberi.
Sila hantarkan sumbangan anda ke alamat INSAN.

KISAH HIDUP SETINGGAN

KELUARGA ALI

Ali berasal dari Sabak Bernam dan telah berhijrah ke Kuala Lumpur pada tahun 1963 untuk mencari pekerjaan yang tetap dan lebih baik. Ali bekerja sebagai seorang jaga dalam sebuah syarikat besar di Petaling Jaya dan memperolehi pendapatan sebanyak \$120/sebulan.

Dengan pendapatan yang kecil ini, ia menanggung keluarganya seramai 8 orang—Zain, isterinya serta anak-anaknya yang berumur di antara 3 hingga 14 tahun. Sejak ia datang ke Kuala Lumpur, ia tidak pernah bertukar kerja walaupun ia telah berpindah rumah sebanyak empat kali. Ia menetap di rumah sebiliknya di kawasan setinggan Kg. Sentosa, Kg. Pucong, Kg. Pasir dan Kg. Bengali. Rumahnya di Kg. Sentosa, yang dibeli pada tahun 1967, telah musnah dilanda banjir pada tahun 1971 dan ia terpaksa membinanya kembali.

Walaupun tanah tapaknya adalah tanah kerajaan, tetapi ia terpaksa membayar sewa untuk tanah itu. Rumahnya itu tidak mempunyai api elektrik dan air paip. Dengan usahanya ia telah dapat membina sebuah bilik air bersama tandas di dalam rumahnya.

Keluarga Ali tidak mempunyai saudara mara di kawasan itu. Hubungan mereka dengan saudara mara di Sabak Bernam juga hampir

putus sama sekali kerana mereka jarang sekali balik ke sana sejak berpindah ke Kuala Lumpur. Walaupun rumahnya sering dilanda banjir dan keluarganya tidak mendapat kemudahan api elektrik dan air, mereka tidak mempunyai ranjang untuk berpindah dari Kg. Sentosa oleh kerana rumahnya adalah dekat dengan tempat kerjanya dan ia tidak perlu membayar sewa rumah.

Keluarga Ah Seng

Ah Seng ialah seorang penjaja mee di Jalan Chow Kit. Dia bangun pada pukul 5 setiap pagi untuk memulakan penjualan meenya. Hampir setiap minggu dia diganggu oleh pihak berkuasa serta polis. Pegawai kesihatan, misalnya akan marah dia kerana tempat ia menjaja itu kotor. Mereka mengugut akan mengambil tindakan terhadapnya dan menutup perniagaannya di situ.

Pihak polis pula mengancam akan mengambil tindakan terhadapnya bila dia menjalankan perniagaannya di sesuatu tempat itu lama sedikit. Ini adalah kerana lesennya hanya untuk menjalankan perniagaan secara bergerak. Untuk mengejalkan gangguan ini dia terpaksa memberi wang rasuah kepada orang yang bertugas di situ.

Tempat tinggal Ah Seng ialah di Kg. Limau yang terletak di belakang Panggung P. Ramlee yang


tidak begitu terkenal. Kampung itu ialah kawasan setinggan keempat yang telah didudukinya sejak ia datang ke Kuala Lumpur dari Perak. Semasa tinggal di Cheras dulu, rumahnya telah dirobohkan kerana kawasan itu hendak dimajukan. Ah Seng hanya diberi ganti rugi yang kecil saja.

Sekarang ada pula ura-ura bahawa kampung di mana keluarganya tinggal masa ini akan dimajukan pula. 'Tapi apa nak buat!' Sekiranya kabar itu benar, dia terpaksa berpindah dari kawasan itu oleh kerana dia tidak mempunyai sebarang hak ke atas tanah itu.


Setinggan: Kemiskinan

Kajian-kajian mengenai setinggan di Kuala Lumpur menunjukkan bahawa mereka ini datangnya dari berbagai tempat—jauh dan dekat dari Kuala Lumpur—samada dari kawasan bandar maupun luar bandar, terutama sekali dari tempat-tempat di mana pengangguran adalah meluas. Mereka tidaklah berbasal dari golongan pekerjaan tertentu sahaja, mereka terdiri dari orang miskin di bandar ataupun penganggur di luar bandar. Tetapi, orang yang berpendapatan rendah dan tidak mempunyai kemahiranlah yang menjadi mangsa utama. Setinggan-setinggan juga tidak terdiri daripada kaum-kaum tertentu sahaja.

Satu sifat utama para setinggan ialah kemiskinan. Kebanyakan mereka menjadi setinggan kerana mereka miskin misalnya sebab tidak mempunyai pekerjaan, tidak mempunyai tanah atau rumah, ataupun tidak mahir. Mereka menjadi setinggan di bandar kerana terdesak oleh kemiskinan di tempat asalnya dengan harapan untuk mendapatkan pendapatan yang lebih lumayan di Kuala Lumpur. Walaupun kehidupan di bandar masih susah, kebanyakannya menganggap kedudukan mereka di kawasan ini lebih baik daripada keadaan di tempat asal mereka. Tidak ramai yang kembali ke tempat asal masing-masing.



Seorang setinggan bersama gubuk buruknya.



Kayu dari rumah yang dirobohkan menjadi rezeki orang lain.

Berhijrah

sing dan menyambung cara hidup dahulu. Amatlah nyata jika keadaan sekarang tidak berubah, lebih-lebih lagi jika kemiskinan tidak dapat dihapuskan, maka kedudukan setinggan-setinggan ini akan kekal.

Cerita tentang lima orang setinggan menunjukkan satu keadaan yang sangat ketara di mana kemiskinan terus berkekalan. Mereka datang ke Kuala Lumpur dengan harapan yang tinggi untuk melarikan diri dari kemiskinan. Tetapi akhirnya bertahun-tahun kemudian mereka masih menetap di kawasan setinggan. Mereka tetap kekal di tahap asal di mana peluang-peluang untuk menikmati keadaan hidup yang baik masih gelap walaupun mereka menganggap keadaan ini bersih baik daripada masa yang lalu. Lebih-lebih lagi, keadaan ini merupakan pusaka dari jenerasi ke jenerasi.

Nasib setinggan-setinggan ini adalah malang: mereka pernah meninggalkan satu keadaan yang buruk tetapi masih terperangkap dalam keadaan lain yang lebih kurang serupa. Dengan bergantung kepada pendapatan yang kecil, mereka menyertai perlumbaan hidup di kota raya yang amat mencabar. Menjadi setinggan seolah-olah menjadi cara bagi mereka menyesuaikan diri dengan kehidupan kota.

Keluarga Letchmi

Letchmi adalah seorang penyalin maklumat ke bentuk kod dalam satu projek yang dijalankan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Tiap-tiap hari, selama lapan jam, ia akan memilih angka-angka dari satu buku kecil dan mencatitkannya ke dalam borang khas yang disediakan. Letchmi sendiri tidak begitu memahami kerja yang dilakukannya. Ia hanya bersyukur kerana mendapat kerja sementara ini setelah ia menganggur selama lebih dari satu tahun. Setelah lulus S.P.M., sedikitpun ia tidak menyangka bahwa kerjanya merupakan peringkat terakhir kajian pertama mengenai setinggan yang dijalankan oleh Dewan Bandaraya selama 2 tahun.

Letchmi tinggal di sebuah kawasan setinggan di Sentul. Keluarganya telah lama menjadi setinggan di atas tanah kerajaan di kawasan itu. Baru-baru ini, oleh kerana perlaksanaan projek Dewan Bandaraya, keluarganya terpaksa berpindah. Perpindahan itu merupakan yang ketiga dalam masa 15 tahun yang lalu.

Letchmi sendiri telah menjadi setinggan sejak ia dilahirkan. Ayahnya telah gagal untuk mendapat rumah murah atau rumah pangsa

kerajaan walaupun ia telah berkhidmat sebagai seorang buruh kerajaan persekutuan selama 15 tahun. Sekarang harapan ayahnya untuk mendapat sebuah rumah murah atau rumah pangsa semasa hidupnya telah putus sama sekali.

Pada tahun lepas, pihak berkuasa Dewan Bandaraya telahpun datang ke rumahnya untuk mendapat berbagai maklumat mengenai keluarganya. Apabila mereka tidak sempat mengambil semua maklumat yang dikehendaki, mereka telah menuruh ayah Letchmi pergi ke pejabat mereka keesokan hari. Dengan harapan untuk mendapat rumah murah, ayah Letchmi telah mengambil cuti pada esok harinya dan pergi ke pejabat mereka.

Di sana, setelah menunggu selama 3 jam, mereka hanya bertanya mengenai pekerjaannya dan beberapa lama ia telah menjadi setinggan. Sedikitpun tidak disebut mengenai peluangnya untuk mendapat rumah murah. Ayah Letchmi pulang ke rumah dengan perasaan hampa. Sekarang anaknya sendiri Letchmi sedang bekerja menyalin dalam bentuk kod jawapan-jawapan yang telah diberikannya kepada pihak Dewan Bandaraya.



Yang mewahpun bersetinggan.

Keluarga Kassim

Kassim ialah seorang pegawai keselamatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Kadangkala dia juga bertugas di cawangan San Peng, yaitu di bahagian penguatkuasa DBKL. Sebagai anggota cawangan itu, dia bertanggungjawab melaksanakan undang-undang yang ada. Ini termasuklah kerja melarang pembinaan rumah-rumah setinggan, menghalangkannya dari diduduki orang serta merobohkan rumah-rumah setinggan itu.

Tetapi Kassim sendiri tinggal di kawasan setinggan di Setapak. Kassim adalah seorang bekas askar yang telah diberhentikan lima tahun dulu. Sejak itu dia hidup dalam serba kesulitan. Dia hilang kemudahan tempat tinggal. Untuk menanggung keluarganya seramai 5 orang, dia terpaksa mencari apa saja kerja yang ada. Dia berkerja dengan Dewan Bandaraya sejak dia diberhentikan dari askar dulu. Dia seperti orang lain telah memohon rumah pangsa, tetapi gagal juga.

* * *

Duduk di kawasan setinggan Kuala Lumpur sememangnya tidak terjamin dan pada bila-bila masa saja, kadangkala tanpa notis, rumah mereka akan dirobohkan. Kehidupan mereka sentiasa tidak terjamin kerana mereka tidak memiliki ru-

mah—dan rumah hari ini merupakan lambang kesejahteraan, keseimbangan dan keselesaan.

Kebanyakan orang tidak sedar bahwa di kawasan Wilayah Persekutuan itu terdapat lebih dari 40 ribu keluarga setinggan—kira-kira satu pertiga daripada jumlah keluarga di Kuala Lumpur. Masalah yang paling besar dihadapi oleh para setinggan ialah ketiadaan tapak rumah sendiri. Sekiranya ini dapat diatasi, ramai dari mereka sendiri berkemampuan mengeluarkan belanja untuk mendirikan rumah. Sehingga kini, pihak berkuasa masih belum menerima hakikat ini.

Rancangan rumah-murah kerajaan bagi W.P. tidak dapat menampung kesemua penghuni kawasan setinggan yang ada. Hanya baru-baru ini, 20,000 keluarga telah mendaftarkan diri untuk mendapat rumah-rumah murah yang akan dibina di Kuala Lumpur. Jika diandalkan yang semua pemohon ini adalah setinggan, maka hanya separuh saja dari jumlah keluarga setinggan di Kuala Lumpur yang telah mendaftarkan diri. Bagaimana pula dengan yang separuh lagi?

Masalah setinggan ini mencerminkan satu keadaan yang tidak sehat dari segi ketidakseimbangan, kemiskinan, kesesakan dan kehidupan yang tak terjamin.



Rumah baru untuk para setinggan.

Rancangan rumah murah kerajaan bagi Wilayah Persekutuan tidak dapat menampung kesemua penghuni kawasan setinggan yang ada. Hanya baru-baru ini, 20,000 keluarga telah mendaftarkan diri untuk mendapat rumah-rumah murah yang akan dibina di Kuala Lumpur.



Lai Loong Sung

Badariah

Badariah dan empat orang rakan sebiliknya tinggal di Kampung Medan sejak empat tahun yang lalu. Kampung Medan ini adalah salah sebuah kampung dalam kawasan perkampungan setinggan yang terentang sepanjang Jalan Kelang Lama dari batu 5 hingga ke batu 10 di mana jalan itu bersimpang dengan Lebuh Raya Federal.

Badariah, seperti rakan-rakannya, berasal dari kampung-kampung di Perak dan telah datang ke Kuala Lumpur untuk mencari pekerjaan. Akhirnya ia berjaya menjadi pekerja kilang elektronik di Kawasan Perdagangan Bebas Sungai Way dengan mendapat gaji kurang daripada \$200 sebulan. Dengan pendapatan itu, dia terpaksa membayar sewa rumah (sewa sebuah rumah kecil di kawasan setinggan ialah \$45 sebulan), membeli makanan serta pakai-an dan juga menghantar wang untuk keluarganya di kampung.

Menurut Badariah, dia kehilangan berat badan sejak datang ke Kuala Lumpur. Oleh kerana dia terpaksa bekerja menurut cara giliran, selera makan serta kesihatannya adalah terjejas. Dalam masa selangan antara giliran itu, dia tidak mempunyai selera untuk makan. Tidur juga menjadi masalah lebih-lebih lagi pada waktu siang di kawasan setinggan ini. Dia tidak dapat tidur pada waktu siang walaupun dia amat memerlukannya setelah beker-

Akhirnya ia berjaya menjadi pekerja kilang elektronik di Kawasan Perdagangan Bebas Sungai Way dengan mendapat gaji kurang daripada \$200 sebulan. Dengan pendapatan itu, dia terpaksa membayar sewa rumah (sewa sebuah rumah kecil di kawasan setinggan ialah \$45 sebulan), membeli makanan serta pakai-an dan juga menghantar wang untuk keluarganya di kampung.

ja giliran larut malam. Atap zink menjadikan rumah terlalu panas ditambah pula dengan kebisingan jiran-jiran.

Walaupun Badariah mahu berpindah dari Kampung Medan, dia

tidak dapat berbuat demikian. Kawasan setinggan itu dekat dengan tempat kerjanya. Tambahan pula, sewa rumah di Petaling Jaya adalah terlalu tinggi dan tidak termampu oleh orang-orang sepertinya.



Tandas atau jamban?



TASEK UTARA

DALAM KENANGAN

Hazim Amil

Tasik Utara di Johor dikenali sekarang kerana padang golf yang terletak di situ. Lima tahun yang lalu, pada bulan September 1974, satu peristiwa telah berlaku di situ juga. Dalam peristiwa tersebut, setinggan-setinggan miskin telah bangun beramai-ramai menunjuk perasaan. Mereka membantah tindakan kerajaan negeri Johor merobohkan rumah-rumah mereka di Tasik Utara, yaitu suatu tempat yang terletak kira-kira tiga batu dari pusat bandar Johor Baru.

Tindakan Setinggan

Peristiwa setinggan-setinggan miskin itu berarak beramai-ramai menunjuk perasaan sungguh menggemparkan. Setinggan-setinggan dari Tasik Utara itu telah berkemah di hadapan bangunan Sekretariat kerajaan negeri Johor. Mereka ber-

piket di situ selama hampir seminggu. Mereka makan dan tidur di situ di bawah kemah-kemah kanvas, setelah rumah-rumah mereka dirobohkan. Mereka mahu menemui Menteri Besar untuk menyuarakan bantahan mereka. Tetapi Menteri Besar tidak datang menemui mereka.

Akhirnya setinggan-setinggan itu di tangkap. Seramai 48 orang daripada mereka, lelaki dan perempuan, telah dihadapkan ke mahkamah. Mereka dituduh menduduki tanah kerajaan di hadapan bangunan Sekretariat Kerajaan Johor secara haram. Mahkamah rendah Johor Baru telah menjatuhkan hukuman kepada setinggan-setinggan miskin itu. Setinggan-setinggan itu didapati salah dan dihukum membayar denda seorang seribu dan penjara sehari. Tetapi setinggan-setinggan

Tasik Utara itu telah merayukan kes mereka itu ke mahkamah tinggi untuk diulangbicara. Selama hampir empat tahun kes itu di mahkamah tinggi. Akhirnya mahkamah tinggi Johor Bahru memutuskan bahwa setinggan-setinggan itu tidak bersalah.

Penglibatan Mahasiswa

Dalam peristiwa Tasik Utara itu, penglibatan mahasiswa sangat ketara sekali. Sebaik saja mendengar bahwa rumah-rumah rakyat miskin itu dirobohkan, beberapa orang pemimpin-pemimpin pelajar dari Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya telah berkejar ke Johor Baru. Mereka datang untuk menolong setinggan-setinggan yang malang itu. Ada di antara pemimpin-pemimpin pelajar itu yang datang sehari dua sebelum rumah di Tasik Utara itu hendak dirobohkan.

Mereka telah turut sama merayu kepada pihak yang berkuasa supaya jangan rumah-rumah setinggan di Tasik Utara itu dirobohkan, kerana ketika itu bulan puasa hanya beberapa hari saja akan tiba. Setinggan-setinggan miskin itu telah meminta tempoh supaya mereka dibenarkan tinggal di situ sehingga selepas Hari Raya Puasa. Kerana dalam tempoh sebulan itu dapatlah mereka berikhtiar berpindah ke tempat yang lain.

Rayuan-rayuan dari setinggan-setinggan dan juga mahasiswa-mahasiswa itu langsung tidak diindahkan. Rumah-rumah setinggan-setinggan itu dirobohkan juga. Lebih seratus buah rumah dirobohkan. Tidak ada satu yang tinggal. Bila rumah-rumah mereka dirobohkan, setinggan-setinggan itu tidak ada pilihan lain. Mereka beramai-ramai berarak ke bangunan Sekretariat untuk menemui Menteri Besar. Dan mahasiswa turut sama. Akibat dari itu beberapa orang pemimpin mahasiswa dari Universiti Malaya telah ditangkap. Di antaranya ialah Setiausaha Agung Persatuan Mahasiswa Univeristi Malaya, Hishamuddin Rais.



Tasek Utara

Kesan Di Universiti Malaya

Penangkapan pemimpin-pemimpin pelajar ini telah mencetuskan bantahan dari pelajar-pelajar Universiti Malaya lainnya. Satu tunjuk perasaan besar-besaran telah berlaku di kampus Universiti Malaya. Pelajar-pelajar cuba berarak mene-mui Perdana Menteri, tetapi mereka dihalang. Akhirnya sebuah jawatankuasa yang bernama Majlis Tertinggi Sementara telah dibentuk oleh pelajar-pelajar. Dan pada petang 20hb. September, Majlis Tertinggi Sementara merampas kuasa Universiti Malaya.

Tetapi belumpun mereka dapat bertahan lama, maka satu lagi kumpulan pelajar yang bertentangan, telah membentuk apa yang dinamakan Majlis Tertinggi Nasionalis. Kumpulan ini kemudian merampas semula kekuasaan Universiti Malaya dari Majlis Tertinggi Sementara. Satu saat yang cemas hampir berlaku di kampus Universiti Malaya ketika itu. Pertentangan antara dua puak yang berlainan pendirian

telah membuka jalan kepada kerajaan untuk campur tangan. Tindakan kerajaan ialah menggantungkan Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya.

Ajaran Tasik Utara

Peristiwa Tasik Utara ini telah berlaku. Telah 5 tahun berlaku. Tetapi kepada rakyat miskin, peristiwa seperti Tasik Utara ini sangat besar maknanya. Dan kepada rakyat Melayu Johor khususnya, itulah kali pertama mereka melihat kebangkitan rakyat miskin Melayu menyuarakan rasa tidak puas hati mereka secara terbuka.

Dan kesan dari peristiwa Tasik Utara itu dapat dilihat. Jika kita mengenang kembali peristiwa Tasik Utara ini, ada satu perkara yang begitu jelas kepada kita, iaitu lima tahun yang lalu kita dapat melihat hubungan yang rapat antara rakyat dengan mahasiswa. Sebelum adanya Akta Universiti dan Kolej Universiti (pindaan 1975), persatuan-persatuan mahasiswa memang mempu-

nyai kekuatan. Mereka disegani. Pada waktu itu di mana kekuatan parti pembangkang terlalu lemah di Parlimen, mahasiswa telah menjadi harapan kepada rakyat miskin sebagai juara pembela nasib mereka di luar parlimen.



Jika rumah telah dirobohkan, bumi menjadi lantai dan langit menjadi atap.

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

dari

**PENROSS
PUBLICATION
SDN. BHD.**

Publishers of HI LITE

MENGAPA UNCTAD 5 GAGAL? NEGARA KAYA TAK BOLEH DIHARAPKAN

hassan said

Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan yang kelima Pembangunan yang kelima (UNCTAD V) telah berlangsung selama empat minggu mulai daripada 7hb. Mei 1979 di Manila, Filipina. Turut hadir dalam persidangan ini ialah 2000 orang peserta dari 159 buah negeri yang sebilangan besarnya adalah terdiri daripada 'Kumpulan 77' yang mewakili Dunia Ketiga atau negeri-negeri sedang membangun.

Matlamat UNCTAD V—seperti persidangan-persidangan serupa yang telah diadakan dulu—ialah hendak mencapai persetujuan tentang bagaimana jurang antara negeri-negeri yang kaya dan miskin, yang semakin lama semakin bertambah luas, dapat dikurangkan. Malangnya, bukan saja ini tidak dicapai, malahan persidangan ini telah berakhir dengan kedua-dua pihak terus berselisih tentang beberapa isu yang pokok.

Tabung Bersama

Misalnya soal penubuhan Tabung Bersama (*Common Fund*), yang telahpun dipersetujui pada prinsipnya oleh semua ahli UNCTAD di Geneva pada bulan Mac tahun ini telah timbul semula. Negara-negara perindustrian pernah menunjukkan sokongan mereka terhadap cadangan ini kerana harga barang-barang utama yang stabil akan melicinkan pengeluaran barang-barang pembuatan yang mereka keluarkan.

Namun demikian, saiz tabung yang dipersetujui oleh negara maju adalah hanya sebanyak US\$750 juta, yaitu hanya 12.5% daripada saiz tabung sebanyak US\$6,000 juta yang dituntut oleh kumpulan 77. Ramai pemerhati menganggap tabung berkenaan tidak akan ber-

kesan kerana terlalu kecil saiznya. Selain dari itu, syor bahawa hanya pihak pengguna bahan-bahan mentah (yaitu negara maju) yang patut menyumbang kepada tabung ini telah ditolak.

Selain daripada ini, UNCTAD V juga tidak dapat mencapai apa juar persetujuan pun tentang perlindungan perdagangan, isu-isu monetari dan kewangan, bantuan asing, pemindahan teknologi dan perkapalan, walaupun perbahasan yang hebat telah diadakan selama 4 minggu.

Gambaran mengenai UNCTAD V yang telah dilukiskan setakat ini adalah jauh daripada yang memuaskan. Namun demikian, ini tidak bererti tidak ada sesuatupun yang telah dicapai. Negara-negara miskin telah bersetuju bahwa kemajuan ekonomi mereka masing-masing akan tercapai melalui kerjasama yang lebih erat di antara mereka, dan bukan dengan meneruskan pergantungan kepada negeri-negeri kaya.

Negara Maju tidak Boleh Diharapkan


Suatu soalan yang agak kena pada tempatnya dan yang sering ditimbulkan sejak tamatnya UNCTAD V ialah mengapakah persidangan ini pada keseluruhannya telah gagal sekali lagi. Mengikut pandangan negeri-negeri miskin, sumber utama kegagalan itu ialah

sikap tidak adil dan degil negara-kaya. Sikap ini jelas ditunjukkan oleh ketua perwakilan Amerika Syarikat yang telah memberitahu persidangan bahawa negaranya tidak dapat menjanjikan apa-apa sumbanganpun kepada bahagian kedua Tabung.

Selain daripada ini, kita dapat kekuatan negara-negara miskin dalam perundingan adalah lemah kalau dibandingkan dengan negara-negara kaya.

Dalam keadaan sedemikian, kita dapat negara-negara miskin tidak berani melampaui batas yang tertentu dalam tuntutan mereka sementara negeri-negeri maju boleh mengenepikan isu-isu pokok tanpa menakuti akibatnya. Tambahan lagi, beberapa rombongan dari negeri-negeri miskin yang tidak bersiap sedia untuk perundingan yang serius. Ada juga beberapa perwakilan dari Dunia Ketiga yang telah membazirkan masa dengan menimbulkan perkara-perkara yang kurang penting.

Daripada pengalaman UNCTAD V serta persidangan-persidangan lain, adalah jelas bahawa pengeluar-pengeluar bahan-bahan utama mestilah bersatu padu dan bertindak ala Pertubuhan Negeri-negeri Mengekspot Minyak (OPEC) sekiranya mereka mahu harga-harga yang lebih adil. Tambahan lagi, dasar berdikari seperti yang telah dipersetujui oleh Kumpulan 77 dalam UNCTAD V adalah jalan tunggal kepada pembangunan seimbang yang adil yang harus diamalkan dengan segera.



PENDIDIKAN DI GUINEABISSAU



Dengan keluaran ini, tamatnya siri kartun sulung dalam Nadi Insan yang membincangkan sistem pendidikan di Guinea-Bissau. Kita dapat banyak daripada keadaan di sana mempunyai persamaan dengan apa yang terdapat di negeri kita sendiri. Biarlah kami cuba meringkaskan apa yang telah kita pelajari selama ini.

Dalam masyarakat Afrika yang tradisional sebelum penjajah Barat, tidak terdapat sekolah seperti kita dapat pada masa ini. Orang dididik melalui penyertaan dalam kehidupan harian keluarga serta masyarakat, terutama sekali dengan amalan kerjasama (seperti bergotong-royong) dalam kegiatan pengeluaran. Setiap orang dewasa adalah juga pendidik. Seseorang itu belajar dengan mengamal sebab kerja dan pendidikan bukanlah dua perkara berasingan.

Walau bagaimanapun, bila penjajah Portugis bermula, keadaan ini telah berubah. Keadaan ekonomi zaman penjajah memerlukan segelintir penduduk tempatan menjadi orang perantaraan antara kuasa asing dan orang rakyat. Untuk melatih mereka ini, sekolah-sekolah dibuka oleh pihak penjajah untuk mengeluarkan satu kumpulan orang kulit hitam yang berfikir seperti orang putih.




Kebanyakan sekolah ini berpusat di bandar dan bersifat bertingkat lapis. Ajaran yang disampaikan menggalakkan sifat individualisme dan juga adalah terpisah dari masalah hidup rakyat Guinea-Bissau. Struktur kelas yang tidak adil diperkokohkan dengan sistem pelajaran yang mendidik anak-anak rakyat jelata supaya terus mewarisi cara dan taraf hidup ibubapa masing-masing.

Penduduk-penduduk Guinea-Bissau menentang penindasan ini dengan perjuangan pembebasan kebangsaan yang telah juga melahirkan kesedaran baru mengenai pendidikan. Mereka sedang mempelajari apa yang baik daripada masa silam terutamanya tentang hubungan pelajaran dengan pengeluaran masyarakat. Pelajar-pelajar bersama-sama pengajar mereka menguruskan hal ehwal sekolah. Sistem pendidikan, ini juga menekankan sikap dan amalan berdikari dan kerjasama.


Maka, bila Guinea-Bissau mencapai kemerdekaan pada tahun 1974, terdapat dua sistem persekolahan yang berenggang-satu yang bersifat asing dan *bertingkat-lapis* di pusat-pusat bandar dan satu lagi yang telah dibina dengan kerjasama rakyat tani di kawasan-kawasan bebas.

Amilcar Cabral—ketua ulung partai yang telah memimpin perjuangan pembebasan yang berjaya itu—berpendapat bahawa penduduk Guinea-Bissau harus mengekalkan serta mengujudkan kebudayaan mereka sendiri yang mengatasi eksloitasi manusia sesama manusia. Proses pendidikan harus menyediakan rakyat supaya mereka sedar dan sanggup menguasai keadaan untuk pembangunan berdikari yang berteraskan usaha bersama.

TIADA APA YANG MEREKA LAKUKAN SELAIN DARI BELAJAR.




MEREKA MENJADI BEBAN PADA PARA PEKERJA SEMASA MEMPEROLEHI IJAZAH.





SEKOLAH MACAM ITU
MASIH ADAKAH?

KITA MEWARISI SATU SISTEM YANG KITA BARU MULA
MENGUASAI. SEOLAH-OLAH KITA DILETAKKAN DI DALAM GELAP
DI ATAS SEEKOR KUDA YANG MENGADAP KE ARAH YANG SALAH.



KITA HARUS CUBA MENGADAPKANNYA KE ARAH
YANG BETUL.



TAPI KUDAINI MEMPUNYAI TABIAT
YANG BURUK.






IA MENENTANG PERUBAHAN

MUNGKIN IA
MENGALAHKAN KITA
BUAT SEMENTARA
WAKTU.

TAPI KITA MEMPUNYAI AZAM KUAT BAGI
MENGEMBALIKANNYA KE JALAN BETUL.



MUNGKIN JUGA, AKHIRNYA
KITA HARUS MEMBUANG SAJA
KUDA INI.





Pencak Langkah



hanuman

ISTILAH 'JUTAWAN' DEB

Dasar Ekonomi Baru (DEB) kerajaan Barisan Nasional bukan saja bererti untuk menambah jumlah bumi-putera menjadi jutawan sebagai salah satu dasarnya) tetapi meletakkan dasar kelayakan menamakan 'Jutawan'.

Menurut lapuran Parlimen baru-baru ini, seseorang yang mempunyai harta benda atau wang ringgit yang jumlahnya bernilai lebih daripada satu juta ringgit **'TIDAK BOLEH DIANGGAP JUTAWAN LAGI'**.

Pada hal, menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, adapun seorang jutawan itu adalah 'orang yang mempunyai wang (harta benda) yang jumlahnya (nilainya) berjuta-juta ringgit'.

Para Bumiputera yang selama ini mendapat gelaran 'jutawan', sebagaimana gelaran bintang-bintang yang bertaburan di langit, dengan sendirinya banyak yang berguruan gelaran 'jutawan' mereka berikut dengan lapuran Parlimen tersebut.

Dasar baru jutawan yang dibuat oleh Dasar Ekonomi Baru ini menghendaki pendapatan atau keuntungan yang berjuta-juta ringgit setahun utntuk melayakkan diri dipanggil seorang 'jutawan'. Macam penyanyi juga, kalau mau dipanggil 'superstar', mestilah telah sekian banyak mengeluarkan piring hitam dan dikejal di dunia antarabangsa. Maka itu nak jadi Anita Sarawak cukup susah sama juga cukup susah nak dapat gelaran jutawan macam Tan Sri Lee Yan Lian. Cuma kalau ada 'rahmat' yang akan merestui nama 'jutawan' bagi bumiputera ialah kalau nanti kian meningkatnya kadar inflasi. Bakat-bakar peningkatan kadar inflasi ini nampaknya kian nyata dan calun jutawan dan juga bekas jutawan yang digugurkan gelarannya bolehlah menadah tangan lebih lebar dan tinggi lagi supaya kadar inflasi cepat meningkatnya.

Dalam hubungan ini, kita kembali teringat kepada kamus Dwi Bahasa Dewan Bahasa dan Pustaka yang nampaknya macam main silap mata—keluar dan tarik. Sudah terbit, keluar kemudian ditarik masuk balik. Aneh. Apakah cara 'keluar-masuk' dan 'sorong-tarik' ini merupakan 'dasar baru' Dewan Bahasa dan Pustaka pula? Susah juga kalau kita terlalu banyak dengan 'dasar baru' yang akhirnya setelah pi mai pi mai, dok tang tu juga (pinjam istilah cara orang tanjung, Pulau Pinang).

Seimoga Dewan Bahasa tidak akan menarik kembali lagi Kamus Dwi Bahasa ini untuk membetulkan pengertian 'JUTAWAN' supaya sesuai dengan dasar baru kerajaan.

TUNJUK PERASAAN HALAL SEMUA? ATAU MUKA SIAPA YANG MENUNJUK?

Dengan tindakan seramai 250 Pemuda UMNO mengadakan tunjuk perasaan di Kedutaan Amerika dan Vietnam, maka mulai sekarang nampaknya tindakan menunjuk perasaan telah dihalalkan semula dan permit polis juga tidak perlu lagi **'ASALKAN TUNJUK PERASAAN ITU TIDAK BERTENTANGAN DENGAN PENDIDIKAN DAN SIKAP KERAJAAN'**, sebagaimana yang disebutkan oleh seorang jurucakap polis mengenai tujuhuk perasaan Pemuda UMNO semasa Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini.

Hanuman mengulas buku:



Maka oleh kerana DASAR EKONOMI BARU kerajaan bertujuan untuk membasmi kemiskinan, tentu saja tunjuk perasaan untuk menentang penindasan yang menyebabkan kemiskinan, tunjuk perasaan yang menentang eksloitasi yang juga menyebabkan kemiskinan dan apa saja tunjuk perasaan yang secorak dan selaras dengan tujuan DEB boleh dilakukan oleh rakyat.

Kita patut memberi hormat kepada Pemuda UMNO yang menjadi pelopor bebasnya kembali tunjuk perasaan ini dan juga untuk memberikan erti kepada dasar baru DEB kerajaan. Pikirkanlah lima tahun dulu bagaimana penderitaan yang dialami oleh rakyat miskin dan juga para pelajar kita ketika mengadakan tunjuk perasaan mengenai masalah Tasek Utara, Baling, serta lain-lain lagi yang berakhir dengan tangkapan. Dan ini juga menampakkan dasar baru POLISI (Polisi istilah Indonesia) yang agak matang. Dan dasar baru ini juga diharap berpegang pada dasarnya jangan dasar terletak pada muka—kalau muka-muka yang tunjuk perasaan ini mukanya sama macam muka Haji Suhaimi, YB Fadzil Sheikh Kadir, dll. dibenarkan tanpa permit dan dijaga pula keselamatannya. Tetapi kalau muka penunjuk perasaan itu ada iras-iras muka Anwar Ibrahim, Kassim Ahmad Hishamuddin Rais (mereka sama-sama ada janggut; hanya ada yang hitam dan ada yang setengah putih) atau muka yang licin macam muka Hamid Tuah, Syed Husin Ali, Tengku Shamsul Bahrin, maka pihak polis punya polisi ‘serampang dua mata’ tentulah tak ada sporting spirit.

Ini namanya kebenaran TUNJUK MUKA, bukan izin TUNJUK PERASAAN.

DOA RAKYAT KEPADA WAKILNYA....

Nampaknya rakyat sekarang diajar dengan segala pembaruan pembangunan. Segalanya baru, dari tanah


baru dan orang kaya baru sampai kepada kereta baru dan bini baru. Dari rumah baru dan harta baru sampailah kepada saudara baru dan kuda baru. Maka demikianlah kabar yang terdengar, sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru, rakyat telah mempunyai satu strategi baru untuk membangun dan memajukan kawasan mereka.

Strategi baru ini ialah supaya pilihanraya selalu diadakan, kalau boleh tiap bulan. Ini timbul ketika berlakunya kempen pilihanraya kecil Besut, Trengganu. Meskipun tidaklah begitu banyak yang dapat dinikmati oleh seluruh rakyat, namun dalam tempoh dua minggu kempen pilihanraya itu beberapa sekolah yang kononnya baru telah diresmikan. Padahal sekolah berkenaan sudah berjalan selama dua tiga tahun. Begitulah juga peresmian padang bola yang masih belum siap, sedangkan usaha mengadakan padang bola ini bermula empat tahun lalu.

Pendek kata, dalam tempoh kempen pilihanraya ini semuanya dibuka dan diresmikan, semuanya diberikan dan diulurkan. Rancangan yang bertahun-tahun terbiar terus dilaksanakan dalam sekilip mata. Ini macam ‘mujizat’ pilihanraya. Sehingga itu untuk hari raya ini banyak penduduk tidak perlu lagi membeli kain pelikat dan kain batik dan ‘sekiranya perkhidmatan Petronas berterusan, disel dan minyak tanah di tempat kami akan berlimpahan. . .’—demikian kata seorang nelayan dengan sebuah senyuman.

‘Inilah berkat kematian wakil rakyat kami dan tiap kali pilihanraya kecil diadakan kami menerima sedikit rahmat,’ tingkah temannya pula sambil membentulkan gulung kain pelekat baru yang diterimanya sebagai hadiah dan tak sabar menunggu hari raya untuk memakainya.

‘Kami mendoakan biarlah selalu pilihanraya kecil diadakan. . .’ katanya macam bergurau sambil tertawa senang.



JAMAHIRIYAH SOSIALIS RAKYAT ARAB LIBYA


NEGARA ISLAM DAN/ATAU SOSIALIS?

Hairani Hussein

Pada bulan ini, Jamahiriyyah Libya akan merayakan ulangtahun kesepuluh penggulingan raja Libya di bawah pimpinan Kolonel Qadafi. Banyak kritikan dan pujian telah ditulis mengenai percubaan melahirkan perubahan sosial yang luar biasa ini. Apakah kejayaannya dan apakah pula kelemahannya dalam masa 10 tahun yang lalu patut diperhatikan.

Libya Lama

Sebelum rampasan kuasa tahun 1969, Libya berada di bawah pemerintahan beraja yang pro-Barat di mana kelas pemerintah telah menjadi kaya dengan hasil minyak negeri itu. Libya juga telah digunakan sebagai pangkalan tentera oleh Britain dan Amerika Syarikat bagi menjaga kepentingan-kepentingan mereka (terutama sekali minyak) di Timur Tengah. Rakyat jelata Libya—seramai 2 juta orang—tidak dapat menikmati kekayaan negeri mereka yang diperolehi dari sumber minyak. Mereka juga tidak mempunyai suara dalam kerajaan.



Libya Kini

Sekarang, banyak perubahan telah berlaku di Libya di bawah sistem yang digelar 'Sosialisme Islam'. Ini adalah kerana dalam tafsiran Islam mengikut Qadafi adalah wajar menjalankan usaha membawa perubahan pokok di dunia ini, termasuk perlaksanaan memiliki negara harta, 'demokrasi rakyat' dan 'sosialisme'.

Pentafsiran ini sudah tentu berbeza dengan pentafsiran Islam di beberapa buah negeri lain. Sebagai contoh, dikatakan tafsiran Islam di Arab Saudi mempertahankan kepentingan syarikat-syarikat asing, pembelotan kuasa keluarga diraja serta unsur-unsur feudal.

Amalan Islam

Apakah yang dimaksudkan dengan 'sosialisme Islam' ala Libya itu? Kita akan mendapat sedikit gambaran mengenainya jika kita bandingkan berbagai aspek kehidupan di Libya selepas 1969 dengan keadaan di negeri-negeri Islam yang lain. Sebagai yang diketahui



Kolonel Qadafi berpidato


umum, Arab Saudi, Pakistan dan Libya semuanya telah menyatakan bahawa undang-undang mereka adalah berlandaskan kepada ajaran Al-Quran nur Qarim. Tetapi, perjalannya di tiap-tiap negeri ini adalah berbeza.

Misalnya, di Arab Saudi, seorang yang didapati bersalah kerana mencuri akan dipotong tangannya. Di Pakistan pula, Jeneral Zia-Ul-Haq tidak dapat melaksanakan hukuman ini kerana ia telah gagal mencari doktor bedah yang sanggup memotong tangan orang. Di Libya, hukuman memotong tangan tidak pernah dijatuhkan ke atas seseorang pencuri. Seorang pegawai Libya telah memberi pernyataan berikut: 'Kami mahu rakyat kami bekerja. Bagaimana mereka akan dapat bekerja jika kami memotong tangan mereka?'

Demokrasi

Mengikut pemerintah Libya, majlis-majlis rakyat mengadakan mesyuarat terbukanya tiap-tiap hari di mana orang ramai membincangkan hal ehwal dalam dan luar negeri. Pada bulan Disember tahun lalu misalnya, antara perkara-perkara utama yang telah dibincangkan termasuk: haruskah cadangan belanjawan kesihatan untuk seluruh negeri diterima dan haruskah Libya menambahkan bantuannya kepada Syria selepas perjanjian Mesir-Israel yang mengkhianati kepentingan rakyat Palestin. Keputusan perbincangan mengenai perkara-perkara ini dan 13 perkara lain telah dirumuskan dan pandangan majoriti rakyat telah dijadikan dasar negara.

Penglibatan rakyat dalam politik negara yang sedemikian rupa tidak wujud di negeri-negeri Islam yang lain. Sebaliknya, Arab Saudi diperintah oleh keluarga diraja yang sentiasa berusaha menghalang sebarang penentangan. Di Pakistan, pemerintah Jeneral Zia masih belum lagi membenarkan pilihanraya umum diadakan.



Latihan Jururawat

Kuasa Buruh

Mengikut sumber yang rapat dengan pemerintah Libya, para pekerja di negeri itu digalakkan mengambil alih pemilikan dan penguasaan tempat-tempat kerja mereka. Oleh itu baru-baru ini, pekerja-pekerja di sebuah kilang batu-bata di Tripoli telah mengistiharkan diri mereka sebagai rakan perkongsian kilang tersebut dan tidak lagi sebagai buruh upahan. Pada hujung tahun, mereka akan sama-sama memperolehi keuntungan, ataupun menanggung kerugian kilang tersebut, mengikut sumber itu. Langkah-langkah lain bagi memperbaiki kebijakan rakyat adalah termasuk sekatan terhadap pemilikan rumah perseorangan di mana tiap-tiap orang hanya dibenarkan memiliki sebuah rumah sahaja.

Mengikut pemerintah Libya, Al-Quran menyeru umat Islam menegakkan keadilan dan persamaan serta juga membenarkan pemiliknegaraan. Menurut Al-Quran, segala padang rumput dan sumber air seharusnya dikongsi bersama oleh semua. Walaupun Qaddafi menentang ateisme yang dikaitkannya dengan komunisme, dia pernah menyatakan secara terus terang pandangannya yang agak kontroversial, iaitu:

'Islam bukan merupakan satu penghalang terhadap langkah mengambil alih, memilik-negaraan dan menghadkan harta, . . . malahan Islam memberi petunjuk untuk mencapai keadilan dan kesaksamaan. Ia tidak memberi hak kepada mana-mana orang kaya menggunakan kekayaan mereka sebagai satu alat penindasan ataupun memeras orang dengan kekayaannya. . . . Batasan terhadap pemilikan harha bermakna apabila perlakunya penindasan oleh modal, negara mempunyai hak untuk menyekatnya dengan cara mengambil alih, melaksanakan dasar-dasar komunis, memilik-negaraan, mengenakan cukai yang progresif atau lain-lain langkah yang serupa.'

Minyak

Berdasarkan prinsip-prinsip ini, Libya telah berjaya memimpin OPEC dari kedudukannya yang lemah dalam tahun-tahun enam puluhan, di mana ia terpaksa tawar-menawar dengan syarikat gergasi minyak antarabangsa, kepada kedudukan yang sungguh kuat dalam tahun tujuh puluhan, di mana mereka sekarang boleh mengambil tin-

dakan secara bersendirian menetapkan harga minyak tanpa persetujuan syarikat minyak. Tindakan Libya memberi kata-dua kepada Syarikat Minyak Occidental supaya menaikkan harga minyaknya atau menghadapi tindakannya memiliki negarakan syarikat itu, serta tindakannya memiliki negarakan Syarikat Minyak Texaco dan Standard Oil California adalah contoh-contoh pendiriannya yang berani dalam perjuangan penentang kuasa imperialis.

Libya adalah negara pengeluar minyak yang telah mengambil langkah pertama untuk menaikkan harga minyak, yang pada masa dulu adalah terlalu rendah, supaya negeri-negeri pengeluar minyak dapat menikmati kekayaan dari bumi negeri mereka. Malangnya, sekarang ini syarikat minyak gergasi antarabangsa telah dapat mengubah keadaan itu supaya menguntungkan juga diri mereka. Syarikat-syarikat minyak itu terus mendapat keuntungan yang semakin besar, manakala negara-negara Dunia Ketiga yang tidak mengeluar minyak terpaksa menanggung beban kenaikan harga minyak. Baru-baru ini, kerajaan Libya terus mencadangkan supaya harga minyak dinaikkan lagi dan ia telah mengugut akan mengurangkan pengeluaran minyaknya untuk diekspot jika negeri-negeri Barat tidak mengurangkan penggunaan minyak mereka.

Kedudukan Wanita

Kedudukan wanita Libya sedang mengalami perubahan yang masih perlahan. Selain daripada terdapatnya anak-anak gadis di sekolah dan universiti, wanita Libya masih terpencil dari kaum lelaki dalam kehidupan awam. Di tempat-tempat awam wanita jarang kelihatan ataupun kelihatan dengan memakai purdah. Hampir kesemua yang terlibat dalam perbincangan umum di majlis-majlis rakyat yang disebutkan tadi terdiri dari kaum lelaki.

Rakyat Libya telahpun mengakui keadaan ini sebagai satu kelemahan dan telah menyatakan yang mereka akan cuba membetulkannya secara beransur-ansur. Kolonel Qaddafi sendiri telah menyeru kaum wanita supaya melibatkan diri mereka secara langsung dalam proses menentukan dasar. Tetapi sekatan sosial yang sekarang ini dianggap lapuk dalam Jamahiriyyah Libya masih lagi wujud. Penglibatan wanita dalam bidang ekonomi, politik serta segala kegiatan manusia lain yang sedang berkembang secara beransur-ansur digalakkan di Libya berdasarkan kepada contoh isteri pertama Nabi Muhammad s.a.w. sendiri yang merupakan seorang peniaga.

Dasar Luar Negeri

Dasar luar negeri Libya sekarang ini juga bercanggah. Dengan memberi bantuan kewangan dan moral berasaskan kepada prinsip persaudaraan Islam, Libya sudah terperangkap dalam kedudukan yang bertentangan. Kerajaan Libya menyokong kuat Barisan Pembebasan Bangsa Moro, satu pertubuhan orang Islam yang berjuang untuk pembebasan pulau-pulau di Filipina Selatan. Tetapi di samping itu, ia juga menyokong bekas Presiden Uganda, Iddi Amin yang dianggap sekarang sebagai pembunuh beribu-ribu rakyat Uganda.

Kebajikan Rakyat

Libya telah menggunakan hasil minyaknya yang telah bertambah bagi melaksanakan projek-projek perumahan yang besar-besar untuk hampir semua rakyatnya. Keluaran sektor pertaniannya telah bertambah dengan terbinanya satu sistem perairan yang besar. Walaupun Libya belum mengeluarkan cukup bahan makanan untuk keperluan rakyatnya, tetapi subsidi kerajaan kepada barang makanan yang diimpor telah menjamin bahawa kebanyakkan rakyatnya mendapat makanan yang cukup.

Sebaliknya, penambahan hasil minyak yang diperolehi oleh negeri-negeri pengeluar minyak lain telah digunakan oleh pihak pemerintah dan kelas atasan untuk menampung cara hidup mereka yang makin mewah serta untuk membeli senjata yang akan digunakan untuk mempertahankan kekayaan mereka dari tuntutan-tuntutan orang ramai. Oleh yang demikian, jikalau laporan dari Libya itu adalah tepat, dengan melaksanakan langkah-langkah demokratik (seperti penglibatan rakyat jelata dalam menetapkan polisi) dan nasionalis, pemerintah Libya telah berjaya memajukan kepentingan rakyat jelata. Walau bagaimanapun, soalan sama ada usaha-usaha ini adalah selaras dengan Islam dan/atau sosialisme tulen akan terus dibahaskan.



Projek Perumahan

BANK KERJASAMA RAKYAT:

KERJASAMA MENIPU WANG RAKYAT

abu nawas

Kertas Putih mengenai Penyelewengan pengurusan Bank Rakyat (BR) telah dikemukakan oleh kerajaan kepada Dewan Rakyat baru-baru ini. Laporan yang disediakan oleh Price Waterhouse, sebuah syarikat perakaunan antarabangsa yang terkemuka, dilampirkan bersama dengan Kertas Putih ini.

Bank Rakyat merupakan sebuah bank koperatif. Pada 31hb. Disember 1975, jumlah modal sahamnya adalah sebanyak \$15,766,491. Wang sejumlah ini telah disumbangkan oleh (hampir seribu) syarikat koperatif Melayu dan 23,000 orang perseorangan, yang sebilangan besarnya terdiri dari kaum tani dan nelayan.

... lebih daripada 2,000 peminjam masih belum menjelaskan hutang kepada BR.

Hadiah Percuma,
Bukan Pinjaman

Maklumat yang terdapat dalam Kertas Putih dan laporan Price Waterhouse jelas menunjukkan bahawa wang yang telah dikumpulkan oleh BR telah disalahgunakan oleh beberapa pihak yang terlibat. Selain dari penyelewengan pengurusan bank oleh pegawai-pegawai tingginya, terdapat juga orang-orang besar—yang terdiri daripada ahli politik, peniaga, doktor, peguam, akauntan serta profesional lain—yang telah

berlumba-lumba mengambil kesempatan untuk mendapat seberapa banyak wang yang boleh dalam bentuk pinjaman.

Mengikut pegawai-pegawai tinggi yang dilantik selepas penyiasatan bermula, lebih daripada 2,000 peminjam masih belum menjelaskan hutang kepada BR. Peminjam-peminjam itu telah diberikan notis untuk menjelaskan pinjaman mereka yang dianggarkan bernilai sebanyak \$25 juta.

Tokoh-tokoh

Di samping bilangan peminjam yang telah meminjam tanpa membayar balik, yang agak menarik juga ialah beberapa nama dalam senarai mereka yang telah mendapat pinjaman besar dari BR. Di antara tokoh-tokoh yang terlibat ialah Ketua Menteri Melaka Y. B. Adib Adam yang telah mendapat pinjaman lebih daripada \$300,000, seorang anggota Exco kerajaan negeri Kedah, Y.B. Zainal Abidin Johari yang telah memperolehi pinjaman

Hashim yang telah meminjam sebanyak \$170,000.

Selain daripada anggota parti pemerintah, ahli PAS dan DAP terlibat: Misalnya, seorang bekas ahli exco negeri Kelantan, Nik Mustapha Shafie telah meminjam \$1.26 juta sambil rakan seperniagaannya Ismail Daud dapat meminjam \$750,000. Malah, isteri Nik telah memperolehi pinjaman sebanyak \$50,000 enam minggu setelah Datuk Harun serta dua orang pegawai kanan BR dituduh di mahkamah tentang penyelewengan dalam pengurusan BR.

Di samping itu terdapat juga beberapa orang kenamaan dari berbagai lapangan lain yang turut terlibat dalam kes BR ini. Antara mereka ialah Puan Rainum Jenaik, isteri Raja Adnan Raja Abdullah, bekas pengarah Cawangan Khas dalam perkhidmatan polis, Dr. Ariffin Marzuki, bekas Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia, Tunku Noone Aziz, pengurus Pasaran Syer Kuala Lumpur dan Abdul Aziz Salehuddin, seorang anggota

... mereka yang telah diamanahkan dengan wang rakyat jelata telah menyalahgunakannya demi kepentingan ahli-ahli keluarga dan kawan-kawan mereka dari golongan yang berada.

sebanyak \$800,000 dan seorang anggota Dewan Undangan Negeri Kedah yang lain, Haji Sapirol

jawatankuasa pusat Pemuda UMNO.

Beberapa kes yang dibincangkan

dalam laporan berkenaan sungguh memerlukatkan. Umpamanya, adik Datuk Harun, Abdul Aziz Idris bersama-sama dengan seorang ahli perniagaan lain, telah berjaya mendapat pinjaman bernilai \$570,238 dalam tahun 1973. Mereka telah menggunakan wang ini untuk membeli tiga keping tanah di Kajang.

Tanah ini kemudiannya telah dibeli kembali oleh BR dengan harga \$751,000. Ini bererti keuntungan yang besar telah diperolehi oleh mereka berdua tanpa mengeluarkan satu senpun. Pegawai bank yang

Umpamanya, terdapat beberapa pinjaman yang telah diberi tanpa permohonan diproses atau tanpa cagaran.

bertanggungjawab dalam peristiwa ini tidak lain dan tidak bukan Mazlan bin Datuk Harun.

Kertas Putih dan laporan Price Waterhouse telah juga membincang dengan jelas beberapa amalan di BR pada masa itu yang tidak mematuhi undang-undang bank. Umpamanya, terdapat beberapa pinjaman yang telah diberi tanpa permohonan diproses atau tanpa cagaran.

Ada juga kes di mana permohonan-permohonan untuk pinjaman telah diluluskan oleh suatu jawatan-kuasa yang sebenarnya tidak berhak meluluskan pinjaman berkenaan. Contohnya, Datin Norsiah Mohammad Ali, isteri Datuk Harun, telah berjaya mendapat pinjaman sebanyak \$100,000 pada 16hb. Oktober 1975. Pinjaman ini telah diluluskan oleh suatu jawatankuasa yang terdiri daripada beberapa orang pegawai bank termasuk anak Puan Norsiah sendiri, Mazlan bin Harun.


Pendedahan BR—Pembersihan Bermula atau Taktik Saja

Kisah BR ini memang meru-

paikan cerita yang sedih-sedih kerana mereka yang telah diamanahkan dengan wang rakyat jelata telah menyalahgunakannya demi kepentingan ahli-ahli keluarga dan kwan-

dap segala badan serta kegiatan yang menyeleweng sebelum cara hidup kita terus merosot disebabkan amalan rasuah.

Kalau tidak, rakyat akan meng-



Bank mewah, tabung kosong

Tentang penyelewengan di tempat lain belum ada kertas putih lagi. Malah kertas masih putih lagi.

kawan mereka dari golongan berada. Bank Rakyat telah merupakan bank yang menyalurkan duit rakyat jelata Melayu ke dalam tangan beberapa 'pejuang bangsa.'

Bila kes BR disebutkan dalam perhimpunan agung UMNO pada bulan Julai, para perwakilan telah menyambutnya dengan jeritan seperti 'Siasat yang lain juga' dan sebagainya. Rakyat masih berharap penyiasatan akan diteruskan terha-

anggap pendedahan BR ini sebagai langkah untuk memencarkan puak Datuk Harun. Tentang penyelewengan di tempat lain belum ada Kertas Putih lagi. Malahan, kertas masih putih lagi.

Dipetik dari Far Eastern Economic Review 13hb. Julai 1979.

KERITIKAN SASTERA KITA BELUM MATANG

Mokhtar Yusof

Kritikan sastra mutakhir kita masih belum matang lagi walaupun tradisi kritikan tersebut telah bermula sejak zaman ASAS 50 lagi yang dipelopori oleh Asraf dan Hamzah serta beberapa orang penulis lain yang seangkatan.

Tulisan ringkas ini akan mencuba untuk mengesahkan sebab-sebab sebenar yang mendorong ketidakmatangan tersebut.

... sebilangan besar dari pengkritik kita masih bersikap kuno dan lebih mengutamakan karya-karya sastra yang mengangkat masyarakat lapuk.

Salah satu sebab yang dapat dihuraikan ialah kerana sebilangan besar dari pengkritik kita masih bersikap kuno dan lebih mengutamakan karya-karya sastra yang mengangkat masyarakat lapuk. Maka dengan sendirinya mereka lebih mirip kepada bentuk kritikan secara formal yang membicarakan soal-soal estetik, tema, plot, gaya bahasa dan sebagainya.

Sedangkan pendekatan kritikan secara realisme yang menganggap apa jua karya sastra itu sebagai 'cermin masyarakat' atau lebih daripada itu sebagai satu alat untuk menentang kaum penindas dan menjuarakan kaum tertindas seakan-akan tidak berani untuk digunakan oleh para pengkritik kita.

Bertolak dari kayu ukur kritikan secara formal ini, maka lahirlah berpuluhan-puluhan buah novel yang selari dengan selera tersebut. Setakat ini bilangan sastrawan Malaysia yang berani menulis dengan secara terus

terang masih tidak ramai. Justru itu, apa yang selama ini dikatakan sebagai kebebasan berkarya itu masih belum kita temui.

Ini dengan sendirinya melahirkan sastra pak turut yang bukan sahaja tidak mampu mematangkan intelek pembaca, apatah lagi untuk menyedarkan golongan penindas atas kelakuan menindasnya.

Sedangkan seseorang penulis

(sastrawan) itu mempunyai tugas yang maha besar, iaitu sebagai juru bicara rakyat yang boleh bersuara dengan bebas-lepas. Menurut seorang tokoh kritikan sastra:

'A writer is great only to the extent that he can provide society in general (or the reading public of the time) with a true mirror of itself, of its conflicts and its problems. His success in this respect is determined by the fact that he himself is no mere spectator in the drama he depicts, he is also an actor. What is required of him is that he should be a conscious actor.'

Setakat ini bilangan sastrawan Malaysia yang berani menulis secara terus terang masih tidak ramai.

Sayangnya, ada sastrawan kita yang telah dinobatkan sebagai sastrawan agung, sedangkan apabila

kita meneliti karya-karyanya telah kelihatan dengan nyata sekali sastrawan ini anti-golongan tertindas.

Walaupun sebilangan besar karya-karya sastrawan kita membincarkan tentang derita dan jerih payah kaum petani, namun sastrawan tersebut menjadikan bencana alam, nasib, keengganan menerima teknologi moden serta keimanan sebagai punca sebenar yang mendorong ke arah kemunduran atau penderitaan itu. Sedangkan masalah sebenar yang dihadapi oleh kaum petani kita ialah penindasan dari tuan tanah atau dari sistem sosio-ekonomi yang ada sekarang ini!

Karya-karya yang seumpama ini jugalah yang diangkat dan digilap oleh para pengkritik. Karya-karya yang anti-rakyat ini—walaupun hakikat ini tidak disedari oleh karyawan-karyawan sendiri—jugalah yang telah dikira sebagai karya agung dalam sejarah kesusastraan mutakhir kita.

Sastrawan dan pengkritik itu tadi bukan sekadar tidak mahu menerima pendekatan realisme ini, bahkan mereka telah membuat tuduhan ke atas aliran ini sehingga kita sendiri dapat memperhatikan sekarang betapa kurangnya pengkritik yang membuat kritikan secara realisme itu.

Menurut mereka, kritikan jenis

ini akan hanya menyempitkan tema persoalan pada dua golongan yang berdasarkan pertentangan klas. Kar-

ya-karya jenis ini juga dikatakan sebagai sastra protes.

Tulisan ini sedikitpun tidak bertujuan untuk mempolemikkan 'nama lekatan' yang diberikan oleh para pengkritik ini. Saya hanya mahu membicarakan kenapa kita memerlukan kritikan secara realis apabila mahu menilai sesebuah karya sastra.

Salah seorang pengkritik realis tempatan berpendapat keagungan gaya realis terletak pada penggambaran manusia dan masyarakat dalam kedua-dua aspek kontradiksi—positif dan negatif, maju dan mundur, baik dan jahat—serta menekankan aspek kontradiksi yang positif, dan, dengan demikian men-

dapi oleh golongan tertindas, dan kemudian karya berkenaan itu di-'angkat' oleh pengkritik tadi, maka sampai bilapun masyarakat tersebut tidak akan mendapat galakan untuk mengubah ke arah yang progresif.

Sedangkan kita telahpun sedia menerima hakikat bahwa manusia penulis itu adalah jurubicara rakyat. Jika ia datang dari golongan tertindas, ada kemungkinan besar dengan sendirinya ia akan menyuarakan rasa tentangannya itu. Kerana, seseorang penulis yang hanya mendiamkan dirinya terhadap segala penindasan dan penyelewengan serta kebobrokan sistem politik dan ekonomi yang ada, adalah penulis yang malarikan diri dari kebenaran .

Sedangkan masalah sebenar yang dihadapi oleh kaum petani kita ialah penindasan dari tuan tanah atau dari sistem sosio-ekonomi yang ada sekarang ini!

dorong manusia mengubah dan membaiki keadaannya.

Jadi, apabila sesebuah karya sastra itu tidak benar-benar membicarakan masalah sebenar yang diha-

Hasil-hasil sastra itu patut merupakan suatu senjata penting dalam perjuangan manusia menegakkan kebenaran dalam masyarakat seluruh dunia.

. . . penulis itu adalah jurubicara rakyat.

Mungkin kebanyakan pengkritik kini menyedari kebobrokan sistem yang ada sekarang ini. Tetapi, kerana terlalu mementingkan kedudukan atau periuk nasi sendiri, mereka melacurkan sastra itu sendiri. Seorang pengulas kritikan sastra pernah menyatakan: *'There are certain writers who—though certainly critical of bourgeois society—remain in their overall sensibility essentially attached to the ways of thinking and feeling of that society.'*

Dengan yang demikian, bolehlah dirumuskan, kritikan sastra di Malaysia tidak matang, bukan sahaja kerana usianya yang masih muda, tetapi kerana sebilangan besar penulis dan pengkritik kita mengutamakan aliran formalis. Sedangkan, kalaupula mereka benar-benar menggunakan kayu ukur realisme maka dengan sendirinya bukan sahaja golongan tertindas dibela, bahkan kemunduran kebudayaan dan intelektual negeri ini akan dapat diatasi.'



panel hadiah sastra dalam suatu mesyuarat 1974.

AMAT TEKSI

H.A.H.

Pagi itu Amat terjaga subuh-subuh lagi.

Selama dua puluh tahun ia membawa teksi, jarang benar ia bangun sepagi itu, kecuali bila ada sewa khas ke tempat-tempat tertentu. Sewa yang serupa ini boleh dibilang dengan jari, dan inipun ada kala ditolak kerana ia malas bangun pagi.

Amat membawa teksi keluar Melaka. *Trip* biasanya ialah dari Melaka ke Kuala Lumpur dan balik. Ia sudah calu jalan ini sehingga dia boleh baca di mana sele-koh, di mana jalan lurus, di mana tempat bahaya. Yang paling penting baginya ialah ia boleh capai dua jam saha-ja dari Melaka ke Kuala Lumpur. Dan kalau tidak ada ha-langan di perjalanan ataupun tidak kerana menunggu pe-numpang, dia boleh buat empat *trip* sehari.

Jarang sekali Amat mahu tidur di Kuala Lumpur. Walaupun sudah larut malam dan tanpa *passenger*, Amat sanggup balik kosong, kerana kalau terpaksa tinggal di Bandar Raya itu, ia akan terpaksa tidur dalam teksinya. Sebenarnya Amat lebih senang tidur di rumah.

Biasanya Amat sampai ke *Stand Teksi* pada jam 7 pa-gi. Ia bergerak dari rumah pada jam enam setengah dan bangkit dari tempat tidur pada pukul enam tepat.

Tetapi pada hari itu lebih awal lagi ia sudah terjaga. Hati-hati berdebar-debar. Matanya tidak boleh tidur lagi. Semakin dekat hari perbicaraannya semakin gelisah ia. Ia cemas. Ia khuatir. Bangkit dari tempat tidur Amat terus ke bilik mandi.

Melihat Amat bangun, isterinya bangkit sama. Perem-puan itu cemas melihat gerak-geri suaminya sejak dua tiga minggu ini. Ia tahu suaminya akan dibawa ke Mahkamah, tetapi apa boleh buat, perkara-perkara seperti *accident*, teksi dan Mahkamah, bukanlah perka-ra-perkara yang boleh ia turut campur. Ia tuli dalam hal-hal seperti itu.

Tetapi sebagai seorang isteri yang setia, ia tidak bo-leh mendiamkan diri di waktu suaminya dirundung ma-lang. Bantuan *moral* tidak menjadi soal lagi kerana ia sanggup membuat apa sekalipun. Yang menjadi soalan ialah bantuan *materiel*. Mereka tidak mempunyai sim-panan langsung. Jadi terpaksalah ia menggadaikan loket-nya, pusaka dari ibunya, yang mendatangkan wang se-banyak cuma seratus lima puluh sahaja.

Di bilik mandi Amat tidak bersiul atau menyanyi se-perti biasa. Memang sejak baru-baru ini siul dan nyanyi tidak kedengaran lagi. Sambil mencuci gigi Amat berfi-kiir, 'bagaimana kalau lesen pemandu aku digantung oleh

Tuan Majisterit?' Inilah yang sangat-sangat dikhawatirkkan oleh Amat.

'Kalau ini terjadi, Pak Haji Ahmad tentu akan mem-berikan teksinya kepada orang lain,' fikir Amat dengan sendiri. 'Pak Haji itu tentu tidak boleh tunggu, lebih-lebih lagi kalau aku tidak dibenarkan memegang 'kayu mati' selama lebih satu tahun,' ia mengeluh. 'Bersaudara ataupun tidak, Pak Haji itu tentu tidak mahu rugi \$23.00 sehari, bayaran sewa keretanya.' Pak Haji Ahmad ada berbau bacang dengan isteri Amat, tetapi sikap Pak Haji itu terhadap wang yang mengatas perhatian keluar-ga telah dikenali benar oleh Amat.

Sambil menyiram air ke badannya, Amat bertanya di dalam hatinya, 'apa akan jadi kepadaku, kepada isteriku dan kepada anak-anakku, sekiranya aku tidak dapat membawa teksi lagi?' Hati-hati terus berdebak-debuk. 'Pak Haji tentu tidak akan memberi baksis, walaupun senpun. *Provident Fund* langsung tidak disediakan oleh sibakhil itu. Simpanan tidak ada. Di mana aku boleh me-nyandarkan diri?' Amat mengeloh lagi.

Sud

Sudah dua puluh lima tahun Amat menjadi drebar, sejak ia keluar dari bangku sekolah. Selama dua puluh tahun ia telah membawa teksi dengan pendapatan \$10.00 atau \$12.00 sehari, setelah tolak sewa Pak Haji dan duit minyak. Inilah yang telah menghidupkan ke-luarganya selama ini.

'Hendak beralih menanam padi pula sekarang? Aku tidak mempunyai walau seincipun tanah sawah,' Amat berfikir sambil mandi. 'Hendak menyewanya? Boleh aku sewa dengan cara bagi dua pendapatannya, tetapi aku de-njar paling tinggi aku boleh dapat \$40.00 sebulan. Ma-cam itu anak-anakku tentu mati kebuluran,' Amat me-ngeloh panjang.

'Menoreh getah pula?' Amat bercadang sendiri. 'Aku tidak punya kebun getah. Tanah rancangan tidak dapat. Hendak berkuli di estet? Sekarang zaman getah jatuh harga, \$50.00 sebulan pun susah dapat. Keluargaku ter-us mampus nanti.'

Datang fikiran lain, 'hendak mencari makan di laut? Aku bukan anak laut. Aku tidak tahu perbezaan di an-tara langgai dengan sungkuh, apa lagi perbezaan di an-tara ambai dengan kelong. Tidak boleh cari makan di sana,' Amat berfikir lagi.

Setelah mandi, tidak semena-mena Amat mengambil air sembahyang. Hati Amat terus berdebar-debar. Amat bentang tikar sembahyang di tengah rumah. Hari masih

gelap lagi. 'Sudah masuk subuh agaknya,' Amat berfikir.

Ia sembahyang Sunat dahulu menantikan fajar menyingsing. Kemudian ia sembahyang Subuh. Lepas sembahyang ia berwirid panjang-panjang. Fatihah, Kul-hudian Tab-bal tidak dilupakan. Ia berdoa, 'Ya Allah, cucurilah rahmat di atas hambaMu yang miskin dan hina ini.' Amat terus berjanji, 'lain kali aku akan senantiasa berhati-hati, aku tidak akan lari laju-laju lagi.' Amat mengakhiri doanya dengan, 'Ya Allah, biarlah aku didenda asal jangan digantung lesenku.'

Masih bersila di atas tikar sembahyang, Amat teringat pada hari *accident* itu. Pada hari itu ia mempunyai banyak fikiran. Ia sedang melarikan teksinya selaju kira-kira 60 batu sejam. Ia mahu membuat satu trip lagi, kerana ia kekurangan wang. Anak sulungnya mahu bernikah pada hari minggu berikutnya. Apa boleh buat, tinggal empat batu lagi sampai Bandar Melaka, ia terlalai sejenak –cuma sebentar. Ia cuba mengelakkan, tetapi lewat setengah saat. Nasi sudah menjadi bubur.

Dari tengah rumah Amat turun ke dapur. Sarapan sudah disiapkan. Biasanya secawan kopi sahaja, kerana ia boleh minum lagi di *Stand Teksi*. Tetapi pagi itu Amat disediakan dua biji telur rebus dengan secawan kopi. Isterinya berdiri melihat ia minum air. Ia tidak tahu hendak berkata apa-apa. Ia khuatir kalau duit satu ratus lima puluh ringgit itu tidak cukup untuk membayar denda, Amat dijelaskan.



'Jangan bimbang, Mah,' Amat berkata, 'abang akan balik lekas-lekas. Abang fikir bicara akan habis sebelum tengah hari nanti.' Amat bangun dari meja makan dan mengeluarkan duit satu ringgit dari saku seluarnya sambil berkata, 'berilah duit sekolah Mohd. Nor dan Khalid, dan suruh mereka baca buku-buku sekolah mereka sekiranya abang lewat sedikit.'

Sambil mengambil suis kereta Amat berkata, 'Abang pergi, Mah.' Dan ketika ia melangkah keluar rumah, isterinya menyeru, 'jaga baik-baik bang. Kalau tidak cukup duit, pinjamlah dari sesiapapun dahulu.'

Amat terus menuju ke teksinya—Mercedes-Benz 200D —jenis baru. Ia masuk duduk dan mula memanaskan injinnya. Fikirannya ketika itu tertumpu kepada tuan-punya teksi itu. 'Tidak payah aku pergi ke rumah Pak Haji Ahmad lagi. Pak Haji taukeh jahanam itu, takkan mahu pergi bersama aku ke Mahkamah. Ia takut nanti kena keluar wang. Ia khuatir akan terlibat agaknya.'

Amat masuk giar dan mengarahkan teksinya ke Bandar Melaka. Ia mengelamun lagi, 'Pak Haji keparat. Bila *accident* ia bersikap tak ada kena mengena dengannya. Tetapi, bila tentang wang dituntut haknya hingga kan ke satu sen sekalipun.'

'Pak Haji Ahmad tidak ada peri kemanusiaan sedikitpun,' fikir Amat lagi. Selepas *accident* itu, teksi itu diperbaikinya. Tiap-tiap hari selama teksi itu di Bengkel Belia, aku dipaksa membayar sewa \$11.50 kepadanya, sebab mengikut Pak Haji, akulah yang memecahkan periuk nasinya. Dan harga membaiki teksi itu sebanyak \$520.00 juga aku terpaksa membayarnya. Dipaksanya aku mengansur \$5.00 sehari, sampai hari ini dan entah bila pula akan selesai.'

Teksi Pak Haji ada insuran, tetapi ia enggan menuntut kerugiannya dari syarikat insurannya. Takut *no-claim-damage allowance* akan terganggu.

'Pak Haji laknat,' Amat berkata sendiri dengan geram. Marah benar ia kepada Pak Haji Ahmad, kerana Pak Haji itu bermiaga mahu untung sahaja, seolah-olah rugi tidak ada di dalam kamusnya.

'Kalau aku bawa lori J.K.R. dahulu,' menung Amat, 'semua kekhilafan aku akan dibereskan oleh majikan. Kalau lesenku digantung, aku akan diberi kerja di tempat lain. Kalau aku cukup umur pula, akan makan pencon sampai mati. Patutlah ada orang-orang tersorak-sorak menyatakan lebih baik kalau semuanya dikelolakan oleh Kerajaan.'

Amat memberhentikan teksinya di bawah pokok sena dekat dengan *Stand Teksi*. Ia keluar dari kereta itu dan berpusing-pusing mencari kawannya, Wahab, seorang drebar *spare*. Kerana itu ia mendapat gelaran Wahab Spare. Wahab Spare sedang mundar-mandir di tepi jalan besar di antara *Stand Teksi* dan Pengkalan Bas. Bila tiada mengganti membawa teksi, ia mencari sewa. Ia berteriak, 'Kuala Lumpur, Seremban, Muar, Batu Pahat . . . lekas, lekas . . . bertolak sekarang juga. . . .'

Amat pergi mendapatkan Wahab. Ditariknya tangan Wahab dan dibawanya ke teksinya. 'Wahab,' kata Amat, 'engkau terpaksa menolong aku hari ini, aku terpaksa pergi ke Mahkamah, aku bicara hari ini.'

'Wahab memang menunggu peluang mengganti orang. 'Boleh, tentu boleh,' jawab Wahab dengan cepat, sambil bertanya, 'hari ini sahaja?'

'Hari ini sahaja,' jawab Amat dengan tegas.

'Tetapi apa hal kalau lesen engkau digantung?' Wahab bertanya lagi dengan tidak segan-segan, kerana seluruh masyarakat teksi sudah mengetahui kesulitan Amat. Di dalam masyarakat teksi masing-masing mencari kesempatan; mereka bersatu cuma bila kepentingan bersama mereka terancam. Dan Wahab Spare sudah bosan menjadi 'spare' dan mahu naik jadi drebar tetap pula.

'Celaka, bukan kau mahu niatkan aku buang kes,' kata Amat.

'Aku hendak hidup juga,' jawab Wahab Spare, 'kalau lesen kau digantung, engkau mesti rikomen aku pada Pak Haji.'

'Behancut,' kata Amat lalu terus menuju ke Pengkalan Bas untuk mengambil bas ke Jalan Kota.

Amat tiba di Mahkamah Majisterit terlalu awal. Ia masuk ke dalam. Cuma dua orang mata-mata sahaja baru ada di dalam Mahkamah, seorang berdiri di pintu dan seorang lagi duduk di kerusi tempat polis biasa bertugas.

'Selamat pagi, Datuk,' kata Amat.

'Selamat pagi,' jawab mata-mata yang di pintu itu macam hendak tak hendak. Dan bila ia lihat Amat teragak-agak, ia berkata, 'duduk di bangku belakang itu, jangan bising-bising.'

Amat berasa sayu duduk seorang diri di bangku yang tebal dan panjang itu. Matanya belari dari 'kandang' saksi ke meja dan kerusi Majisterit, kemudian merenung pula 'kandang' orang-orang yang dituduh. Semuanya ini diperbuat dari kayu jati, untuk tahan buat selama-lamanya, ia berfikir. Dahulu ia pernah datang ke situ. Ketika itu sebelum merdeka, ia menemani seorang kawan yang dituduh mencuri getah sekrap. Nampaknya tidak berubah satu apapun, hanya gambar Yang Di Pertuan Agung serta Permaisuri Agung menggantikan gambar Baginda Queen.

Tidak lama kemudian, bangku-bangku panjang di Mahkamah itu sudah hampir penuh berisi pemerhati. 'Agaknya,' fikir Amat, 'semua orang-orang ini ada 'business' macam aku dengan Mahkamah ini.'

Pegawai-pegawai Mahkamah sudah masuk juga satu-persatu. Ada yang duduk dan ada yang berdiri, ada yang membuka-buka buku yang besar-besar. Sejenak kemudian masuk seorang Sarjan Polis beruniform, tinggi, segak dan cergas. Amat kenal betul dengan Datuk Sarjan itu. Ia berkhidmat di bahagian lalu-lintas dan dia adalah yang memeriksa kemalangan itu.

Melibat Datuk Sarjan itu fikiran Amat melayang ke hari *accident* itu berlaku. Sungguhpun sudah lama, Amat masih ingat betul kejadian selepas kemalangan itu. Datuk Sarjan itu sampai dengan motosikal Hondanya. Sampai di sana, Datuk Sarjan itu terus mendapatkan tuan punya kereta pakai yang dilanggar oleh teksi Amat.

'Apa hal, Encik?' ia bertanya dengan lemah lembut kepada tuan punya kereta Volvo 244 baru yang disondot oleh teksi Amat. Ia hormat nampaknya kepada encik itu.

'Tengoklah, Datuk,' kata tuan punya Volvo itu, 'Teksi itu hentam saya dari belakang. Saya perlakan sedikit hendak mengelakkan tiga ekor kambing yang melintas jalan, dia hentam kereta saya kuat-kuat dari belakang. Teruk betul kereta saya dan rosaknya berat sebelah kanan.'

Setelah mengelilingi kedua-dua buah kereta yang terlibat itu, Datuk Sarjan itu berdiri di hadapan teksi Amat. Ia menggamit, Amat datang ke hadapan teksi itu. 'Lampu kiri kau pecah. Engkau pukul lampu belakang sebelah kanan kereta Volvo itu. Engkau cuba mahu potong. Berat nampaknya, Mat,' kata Datuk Sarjan itu, 'Engkau hentam dari belakang. Engkau bawa kereta rapat. Lari terlalu laju, kalau tidak masakan seterus ini. Engkau tidak hati-hati.'

Amat membatu sahaja.

'Aku tahu engkau selalu lari kuat,' sambung Datuk Sarjan itu lagi, 'berapa terip mahu buat ke Kuala Lumpur satu hari? Mahu lekas kayakah? Engkau ingat, kes kelmarin belum habis lagi.'

Amat tidak mahu jawab apa-apa. Di sini juga ia terpaksa hati-hati. Ia nampak jelas angin condong ke mana. Memang tidak bijak kalau ia menaikkan darah Datuk Sarjan ketika itu. Tetapi ia tidak tahan melihat Datuk Sarjan itu bersikap berat sebelah. Kepada orang itu encik, tetapi kepada dia engkau sahaja. Kepada orang itu berlaku lemah-lembut, tetapi kepadanya mengherdik-herdik.

Sarjan itu terus mengomel, 'engkau tahu apa hukum pukul dari belakang? Engkau tahu engkau tidak boleh membawa kereta terlalu rapat dan lari laju-laju pula? Engkau sangka engkau 'pilot' kapal terbang?'

Amat terus mendiam diri. Sudah teragak ia mahu berkata, 'orang itu brek mati, Datuk.' Tetapi, kata-kata itu tertahan di kerongkongnya sahaja. Ia takut Datuk Sarjan itu akan menyembuh pula, 'kalau engkau jarak sedikit, tentu sekali engkau boleh menggalakkan.'

'Baik engkau buat selesai dengan encik ini,' Datuk Sarjan itu meneruskan kata-katanya, 'jika engkau tidak aku percaya lesen engkau tentu akan digantung. Carilah jalan buat selesai. Kalau sudah selesai, beri tahu sama aku. Aku tunggu kau di Balai.'

Amat merasai benar kelemahan kedudukannya, terutama sekali bila pegawai keamanan sudah menyatakan

sikapnya. Barulah Amat menjawab, 'Baiklah Datuk, saya akan cuba.'

Amat betul-betul telah mencuba. Ia menumpang kereta sewa yang lain dan terus pergi mencari Haji Ahmad di rumahnya. Haji Ahmad bersikap bahawa kereta yang Amat langgar itu bukanlah masalahnya. Tentang teksinya pula Amatlah yang patut bertanggungjawab.

Tidak guna bertengkar dengan Pak Haji Ahmad. Amat mencuba pula meminjam wang dari Pak Haji itu untuk berselesai dengan tuan punya kereta Volvo itu. Dalam perkata ini juga Amat hampa. Pak Haji itu telah menyatakan bahawa ia tidak mempunyai wang. Katanya hutangnya keliling pinggang.

Sedang Amat terpegun dalam Mahkamah itu, masuk pula tuan punya kereta Volvo. Ia memakai kemeja putih tangan panjang dan seluar biru-hitam dan tali-leher merah. Ia terus duduk di bangku hadapan. Orangnya tidak kelihatan sombong, tetapi sebagai orang yang agak berada ia tegas dalam mempertahankan kepentingannya.

Amat ingat juga sikapnya dalam mempertahankan haknya itu. Setelah dinasihatkan oleh Datuk Sarjan, ia telah mendapatkan tuan punya Volvo itu untuk berselesai. Kata Encik Amin, tuan punya Volvo itu, 'saya memang tidak puas hati oleh kerana kereta baru saya sudah kemelek, valuenya sudah jatuh. Tetapi kalau awak sanggup bayar segala kerugian saya, saya tidak akan membuat report ke Balai Polis. Jikalau tidak, saya terpaksa membuat report untuk membolehkan saya membuat tuntutan kepada syarikat insuran saya.'

Amat kagum betul dengan sikap Encik Amin itu. Dengan bergagap ia bertanya, 'Encik, kira-kira berapakah kerugian encik itu?'

Encik Amin tegas lagi, 'saya tidak mahu main agak-agak. Sebaliknya saya tidak mahu memberatkan awak juga. Marilah kita pergi ke Bengkel Agent kereta Volvo. Kita boleh minta formen di sana membuat taksiran. Formen itu boleh juga menjadi orang tengah.'

Amat terkejut mendengar 'bengkel agent' kereta Volvo. Di agent-agent kereta besar-besar, tidak boleh bertolak-ansur. Mereka menggunakan barang-barang baru belaka. Perbelanjaan membaiki kereta di situ selalunya terlalu tinggi. Amat kagum lagi mendengar kata-kata Amin itu, kali ini ia bertambah khuatir. Mengikut tak-sirannya sendiri perbelanjaan membetulkan kereta Volvo itu mungkin makan tidak kurang dari \$500.00.

Amat sungguh cemas. Ia tidak dapat selesai kalau tidak ada \$500.00. Ia tidak berdaya mengadakan wang ini. Dan Pak Haji bedebah itu pula bukan pohon tempat bernaung, tetapi lintah yang menghisap darahnya. Akibatnya mereka telah terpaksa berjumpa dengan Datuk Sarjan dan membuat report di Balai Polis Central.

Sedang Amat termenung, pegawai Mahkamah berteriak, 'bangun.' Seisi Mahkamah terpaksa bangun. Majisterit masuk dari pintu belakang dan terus duduk di kerusi-nya. Setelah Majisterit duduk, seisi Mahkamah membongkok sedikit lalu duduk. Amat turut duduk.

Satu-persatu nama telah dipanggil oleh kerani Mahkamah untuk tampil ke muka untuk dibicarakan. Amat kurang mengikuti pembicaraan mereka. Fikirannya terlalu kusut untuk mengambil tahu hal orang lain.

Amat hanya asyek menunggu namanya dipanggil. Ia merasai bangku yang didudukinya itu keras dan panas tidak macam tempat duduk kereta Mercedes. Pinggangnya berasa lenguh dan kaki kirinya berasa sengal. Perlahan-lahan ia naikkan kaki kirinya ke atas kaki kanannya untuk menghilangkan lenguhnya itu. Tiba-tiba mata-mata yang bertugas di situ datang menengkengnya.

'Turun kaki,' kata mata-mata itu dengan marah.


Amat tercengang. 'Salahkah?' ia bertanya.

'Salah,' kata mata-mata itu, 'ini Mahkamah, tidak boleh duduk kaki atas kaki.'

Amat berasa marah kerana terasa ia dihinakan. 'Tengok loyar-loyar di hadapan itu semuanya bertindeh kaki, kenapa mereka tidak ditegur?' ia berteriak.

'Sheesh . . .' kata mata-mata itu, 'sana hal lain.'

'Ini dia keadilan,' Amat mengeluh, sangsi terhadap keadilan yang sedang dihadapinya di tempat pengadilan.





Guinness Stout~stout bermutu tinggi di dunia

Keras, cukup memuaskan dan dengan rasa yang padat, Guinness Stout menjadi pilihan peminum stout sejati seluruh dunia.

Guinness Stout — stout yang asli. Bila hendak minum stout mintalah Guinness Stout. Guinness Stout baik untuk anda.

GUINNESS STOUT baik untuk anda



Sejurus kemudian, kerani Mahkamah berteriak, 'Amat bin Joned.'

Amat terkejut, lalu bangun. Ia berjalan ke hadapan dan membongkok sedikit.

Dakwaan terhadapnya telah dibacakan dalam bahasa Inggeris. Dakwaan itu kemudiannya telah diterjemahkan ke dalam bahasa kebangsaan.

Kemudian kerani Mahkamah bertanya sama ada ia mengaku salah atau tidak.

Amat berfikir sejenak. Ia tiada mampu mengambil litar. Ia juga tidak mempunyai seorangpun saksi. Sikap Datuk Sarjan sungguh membingungkannya. Kalau tidak mengaku salah, perkara ini akan berpanjangan lagi. Dan mungkin akibatnya akan menjadi lebih teruk lagi.

Dengan suara yang terang Amat berkata, 'salah.' Ia mengaku kalah sebelum berjuang.

Majisterit mula menulis. Kemudian ia mengangkat kepala sambil berkata, 'seratus ringgit atau satu bulan jel.' Ia diam sejenak dan kemudian berkata lagi, 'lesen digantung selama satu tahun dan dicatit.'

'Next Case,' kata kerani Mahkamah.

Amat menarik nafas panjang. Selepas itu kesnya selesai. Sebentar itu juga ia merasa dunia menjadi gelap baginya. Seluruh sendinya menjadi lemah.

Dengan perlahan-lahan ia pergi ke arah meja pegawai Mahkamah. Ia membayar \$100.00 sebagai tebusan dari menginap di penjara kerajaan. Lesennya diserahkan kepada pegawai itu juga. Dalam hatinya ia berfikir, 'baik sungguh ada jalan untuk mengelakkan dari menginap dalam jel. Itulah sebabnya, barangkali, orang-orang berada tidak kelihatan masuk penjara, yang duduk di sana hanya orang-orang miskin sahaja.'

Berjalan keluar ia tersepa dengan Datuk Sarjan. Datuk itu tersenyum luas. Ia berkata, 'bukan aku sudah cakap, selesai. Engkau degil.'

Amat tidak menjawab, ia langsung tidak berasa hendak berkata apa-apa.

Melepaskan Datuk Sarjan itu turun dahulu, ia tersua pula dengan Encik Amin. Encik Amin tidak gembira nampaknya. Ia senantiasa *serious* saja. Melihat Amat ia berkata, 'apa khabar, susah betul aku dibuatnya. Lepas ini baru insuran boleh membayar kerugianku.'

Amat turun dari Mahkamah dan turun ke jalan raya. Ia berasa bingung. Ia berjalan kaki dari situ ke Pangkalan Bas. Dari situ ia menaik bas yang membawa ia pulang ke rumahnya.

Esok harinya ia bangun pagi-pagi juga. Ia tidak sanggup duduk di rumah dengan tidak membuat apa-apa. Kebiasaan telah menarik badan, fikiran serta jiwanya ke Stand Teksi.

Kesibukan di Stand Teksi berjalan seperti biasa. Tuan-tuan punya teksi duduk bersempang dengan bergaya di Restoran Marlia yang berhampiran. Drebar-drebar teksi minum kopi dan bergurau senda di bawah pokok sena menunggu peluang membawa teksi diisi penuh. *Spare-spare* drebar sibuk bergerak dari drebar-drebar ke pemungut-pemungut sewa, menunggu peluang membawa teksi sambil mencari sewa.

Kawan-kawan Amat tersenyum melihatnya. Yang kasihan kepada Amat berkata, 'satu tahun tidak lama, Mat. Sabarlah. Tahanlah susah sedikit.'

Di dalam suasana ini, Amat terpaksa menjalankan tugas barunya. Ia terpaksa berteriak, 'Kuala Lumpur, Seremban, Batu Pahat, Muar, Tampin, Jasin....'

Amat sudah turun menjadi pribet semula. Ia terpaksa mencari sewa, menjual *passenger*—20 sen sekepala....

DUNIA KITA

EKSPLITASI DI MOROCCO

Dalam tahun 1977 pemodal-pemodal Morocco memiliki 62 buah kilang permaidani yang menggunakan gadis-gadis berumur antara 7 - 12 tahun sebagai pekerja. Gadis-gadis ini bekerja antara 48 hingga 72 jam seminggu tanpa gaji, cuti tahunan atau rawatan perubatan.

Siapakah yang beruntung? Pelancung-pelancung Barat membeli permaidani-permaidani itu dengan harga yang murah, dan pemodal-pemodal Morocco mendapat keuntungan besar dari hasil jualannya.

AIR

70% daripada penduduk dunia kita tidak mendapat bekalan air minum yang selamat. 25,000 orang mati setiap hari akibat penyakit-penyakit yang berpunca dari air. Di antara penyakit-penyakit itu ialah bilharzia yang melibatkan 200 juta orang di 71 buah negeri, terutamanya di Afrika.

90% dari jumlah kanak-kanak yang mati itu boleh diselamatkan jika bekalan air yang bersih dapat disediakan.

Mengikut *Laporan Ekonomi 1978/79*, hanya 34% dari jumlah penduduk Malaysia menikmati bekalan air yang bersih. Beberapa kawasan di Malaysia sedang menghadapi wabak penyakit kolera (ceret-beret).

AKU ADALAH AKU

*Malam bersama bintang,
aku berkongsi keyakinan;
dalam gelap aku telah terlihat,
sinar esok yang lembut dan cerah.
aku adalah burung,
sayapku telah patah sebelah,
tapi hingga kini,
aku masih dapat bertahan,
tidak jatuh ke bumi.
penerangan masih kuteruskan
cita-citaku setinggi langit;
aku hanya akan senang,
bila dapat beristirehat di awan puteri*

*Sememangnya lahir,
aku burung yang degil,
sukar mengaku kalah.
aku tidak puas hanya bermain di kaki-kaki langit,
dan kemudiannya menghabiskan masa,
dengan mematuk-matuk ulat di kayu reput.
aku adalah aku,
sengaja suka mencari nahas.
setiap hari sebaik keluar sinar pagi,
aku telah terbang setinggi-tinggi,
melayang-layang di angkasa bebas,
di tengah-tengah angin yang keras,
yang ganas.
itulah hidupku,
di tengah-tengah bahaya;
itulah duniaku,
dan aku bahagia.*

*Julai, 1979
Hassan Abdul Karim.*

MATI SEBELUM HIDUP

*Semasa aku anak kecil
bermain guli di tepi longkang
melelir hingus di pipi yang cengkang.*

*Berbual dengan orang tua dianggap tidak bersopan
bercakap semasa makan ertinya mengajak syaitan
menakwir kata abang dianggap durhaka
menegur kata ibu tidak berbau syurga.*

Aku diasuh berkata YA.

*Setelah aku remaja
aku dihantar ke sekolah
belajar alif, ba dan ta, satu, dua dan tiga.*

*Berpaling dari perintah guru, ibarat musang tidak kenal bulu
bertengkar dengan pengawal pelajar, murid yang kurang ajar
berbicara dengan lancar, diberi nama pencakap besar
berponteng menolong keluarga miskin, dihukum tidak berdisiplin
berdebat dengan hangat, disuruh berdiri di tengah panas
berbaris tidak betul, dituduh pengacau gadis-gadis beratur.*

Aku diajar berkata YA

*Apabila aku dewasa
aku diberi kerja
berkhidmat untuk bangsa dan negara.*

*Berdemokrasi lima tahun sekali, sewaktu bermecedes untuk mengundi
Bila menegur kata pemerintah, penjara menjadi hadiah
berbaris meminta perteduhan di kotaraya, padang golf dibina di Tasik Utara
bersajak, bercerpen di khalayak ramai, dinilai polis penjaga massa
berkumpul, berhimpun lebih dari lima, polis FRU datang mengejar
belajar menulis dran membaca yang benar, digelar anti-kerajaan anti-nasional
berpolitik, berpartai berjiwa rakyat, diideologikan sosialisme anti-ugama
berpiket, bermogok, menuntut hak buruh yang sama, diberi ISA tanpa bicara
bercinta untuk rakyat untuk nusa, diperundangkan Akta Universitas selama lama*

Aku disuruh percaya berkara YA.

*Sejak lahir
Aku
diasuh
diajar
disuruh percaya
untuk tidak mengata tidak
kerana
apabila aku tidak mengata aku tidak mati
maka
sebenarnya aku sudah lama tidak hidup.*

Pembela di Rantau

30hb April 1979

JOHN WAYNE: ALL-AMERICAN/UGLY AMERICAN

Mohd. Daud

John Wayne was merely a projection of the rough and tough macho man. In a more subtle way, he was the embodiment of the US Establishment.

He not only crusaded for law and order on behalf of the *status quo*, but also chose to subjugate all who stood against US power, be they Red Indians, Mexicans, Arabs or communists. To such a hardened right-winger, America could do no wrong: 'My country—right or wrong.'

He also belonged to an era which is fast receding into the past. After World War One, when the U.S. emerged as the leading nation in the world, John Wayne appeared in the thirties to project that young, thriving and aggressive American left over from the 'Wild West'. With rising US political power and economic might, Hollywood became the centre of the world movie industry, capturing the imagination of viewers with its beautiful stars



The stereotype hero

and dazzling fashions. In this way, Hollywood helped to mould the world's cultural tastes to America's global purpose. Its power to influence and control the minds and attitudes of the non-white world cannot be under-estimated.

Imperial America

The 1940s and 1950s were days when white men ruled over Asia and Africa. In many parts of the colonial world, the white man was God, dictating the fate of black, brown and yellow men. Hollywood embellished this image of the white god. Manliness was depicted by the Hollywood hero: tall, handsome, clever, brave, romantic and white. In contrast, the movie heroes of today have changed. They are more realistic, more fallible and more varied, reflecting perhaps the present day decline of America.

That stereotype Hollywood hero of the John Wayne-type twisted the minds of many non-white people. It gave us an inferiority complex that fitted well with a colonial mentality. We measured beauty in terms of white skin and high noses. Many of us tried hard to look like white men, often at great personal expense. But alas, since God does not allow us to choose our parents, we still look like Ahmad, Ah Chong and Ramasamy.

Some even convinced themselves then, that it was better to be ruled by white men, because they were different and better than us. We cheered loudly when John Wayne blasted the Red Indians to kingdom come, not realising that the Indians were fighting for their homeland and for survival. We were thrilled to see Tarzan leading the animals to punish African tribes, as if we were

superior to the Africans. Thanks to Hollywood, we always managed to cheer the wrong side.

John Wayne also represented the arrogant side of America—the tough lawman. That was the image of America in the fifties and sixties—the world's sheriff pacifying the free world' for American interests, against the Red menace and trouble-makers. In the film 'The Alamo' he martyred himself for America to steal Texas from the Mexicans. In 'The Green Beret', he wreaked havoc among the communists in Vietnam, and in 'Take A Giant Step' he fought in Israel—Yankee outpost on Arab land—to expand American interests in the region.


Right, all the way

Back home in America, Wayne founded a right-wing actors' union to 'purify' the film industry. During the McCarthy witch-hunt, he voluntarily supplied names of left-wing actors who were later persecuted by the authorities. In his own words, 'these people deserved to be sent to Russia.' When he died, he was a multi-millionaire, with interests in various parts of the world. He had become very much part of the US establishment. Strangely enough, for all his stupendous efforts, he only managed to win an Oscar in 1970, after acting for 30 years in over 250 films.

John Wayne lost the battle against cancer, just as his right-wing crusade is a lost campaign against the irrepressible tide of progressive humanity. America is no longer the all perfect; the Hollywood empire has shrunk; Vietnam is lost and the Arabs are less pacified than ever. Thus, the old sheriff ended up on Boot Hill.

*The Dunlop
Maxply[®]
Fort.*






WARNA ASLI PHILIPS

**Begitu nyata, begitu hidup. Hanya yang No. 1 di dunia memberi anda warna asli sempurna.
Itulah keistimewaan memiliki Philips.**

- Lebih banyak set TV Philips dijual di serata dunia dibandingkan dengan mana-mana jenis lain. Itulah maksud kami dengan No. 1.
- Tiub Gambar Sejarar (In-Line) Automatik 20AX Philips merupakan tiub televisyen tumpu-sendiri yang termaju di dunia, digunakan malah oleh jenis-jenis yang lain.
- Ia mudah dan cepat diservis dan disenggara kerana Philips menggunakan Sistem Modula.
- Litar Penyetabil Voltan Istimewa Philips menjamin gambar yang sempurna, walaupun bekalan elektrik terganggu.
- Jaminan Servis Lengkap dari Philips Malaysia menyokong setiap set Philips yang dijual di Malaysia. Mintalah Kad Jaminan Philips bila membeli.

PHILIPS



Juga terdapat jenis Meja 26C565 serta 16C828 dengan 'Kawalan Jauh'.

